



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

Jilid III

Bil. 10

Hari Khamis

6hb Julai, 1989

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

USUL-USUL:

**Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia
Kelima 1986-1990**

(Ruangan 41)

Penangguhan Mesyuarat

(Ruangan 114)

UCAPAN PENANGGUHAN:

Rancangan Tumpuan Minggu - Y.B. Tuan C. Krishnan

(Ruangan 114)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 6hb Julai, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya.

Tuan Mohd. Noor bin Bedah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 1

PROTON SAGA - JUALAN DI UNITED KINGDOM

1. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah [di bawah S.O. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kereta Proton Saga yang telah dijual di United Kingdom sehingga 30hb. Januari, 1989 dan apakah sebabnya Proton Saga tidak dapat memenuhi permintaan yang diperlukan oleh wakil penjual kereta tersebut di United Kingdom.

36. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan pasaran Proton Saga dalam negeri, adakah ianya meningkat. Bagaimana pasaran di luar negeri, adakah permintaan dapat dipenuhi, jika tidak mengapa.

37. **Dr. Ng Khok Kiung** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan unit bagi Proton Saga yang telah dijual setakat akhir bulan Jun 1989; dan
- (b) bilangan pengedar kereta Proton Saga yang telah dilantik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan Soalan No. 36 daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh dan soalan No. 37 dari Yang Berhormat Senator Dr. Ng Khok Kiung sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 30hb Januari, 1989, Proton Saga belum lagi dijual di United Kingdom. Penjualan kereta Proton Saga di negara tersebut mula dilancarkan pada 16hb Mac, 1989.

Sehingga 30hb. Jun, 1989 bilangan Proton Saga yang telah di eksport ke United Kingdom ialah 4,685 unit manakala penjualan kereta Proton Saga yang berdaftar ataupun, dengan izin, registered sale di negara tersebut sehingga 31hb Mei, 1989 iaitu selama kurang lebih 2 1/2 bulan ialah 2,011 unit,

Pasaran Proton Saga bagi dalam negeri adalah menggalakkan sehingga 31hb Mei, 1989. (Ada Yang Berhormat bertanya tentang angka dalam bulan Jun, tetapi dukacitanya, Tuan Yang di-Pertua, angka bulan Jun sedang dikumpul) - sehingga 31hb Mei, 1989 sebanyak 115,489 unit Proton Saga telah dijual di dalam negeri dan 5,280 unit telah di eksport.

Dari segi penguasaan pasaran Proton Saga telah menguasai 73% pasaran kereta penumpang tempatan bagi tahun 1988 berbanding dengan hanya 47% dalam tahun 1986 dan 65% dalam tahun 1987. Jadi, ini menunjukkan adanya meningkat angka penjualan.

Mengenai pasaran di luar negeri pula sehingga kini pihak Proton tidak menghadapi apa-apa masalah memenuhi permintaan tersebut kecuali di United Kingdom. Ini di antara lain disebabkan oleh permintaan ke atas kereta tersebut meningkat dengan banyaknya melebihi anggaran asal di kedua-dua pasaran United Kingdom dan pasaran tempatan.

Kedua, Proton tidak dapat membekalkan kereta dalam masa yang singkat kerana sebahagian daripada komponen kereta masih lagi di import dan pesanan perlu dibuat lebih awal.

Mengenai wakil penjual pula sehingga 22 Jun, 1989 ada 129 wakil penjual Proton Saga telah dilantik.

Tuan K. Sivaliugam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Saya difahamkan kereta Proton Saga yang dijual di United Kingdom bermutu tinggi dan mempunyai ciri-ciri mewah. Adakah ia benar, kalau benar mengapa ia tidak dijual di sini dan berapakah wakil pengedar kaum keturunan India?

Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, bermutu tinggi itu memang betul. Kereta kita memang bermutu tinggi sehingga saya difahamkan oleh sahabat saya Presiden MIC di satu ketika anak saudaranya tinggal di London membeli sebuah kereta, selepas itu neighbournya bertanya dari mana kereta ini datang, maka dia kata daripada Malaysia. Orang tua itu telah memuja dan besok harinya orang putih membeli kereta itu. **[Ketawa]** Itu menunjukkan begitu tingginya mutu kereta kita dan kita patut berbangga. Tentang sama ada mewah ataupun tidak, saya rasa tidaklah ada banyak bezanya di antara kereta yang dieksport ke United Kingdom dengan kereta-kereta yang digunakan di sini. Walau bagaimanapun, memanglah menjadi dasar Proton Saga untuk mengawasi standard ataupun kualiti kereta kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bilangan pengedar/penjual kaum India, saya tidak ada mempunyai angka seperti itu, hanya yang ada pada saya ialah angka bumiputera dan bukan bumiputera dan kita tidak membahagi-bahagikan kepada suku kaum, umpamanya berapa orang penjual orang Iban, orang Bidayuh, orang Punan, orang Kelabit dan lain-lain lagi.

Mengenai angka wakil penjual daripada kalangan bukan bumiputera ianya 29, manakala bumiputera ialah 57 dan Cawangan EON sendiri 43 dan franchise holder sebanyak empat, angka ini sehingga 22hb. Jun tahun ini.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soal satu tujuan membuat Proton Saga, kereta kebangsaan kita, adalah supaya rakyat kita dlberi peluang untuk mempunyai sebuah kereta itu. Walaupun Proton Saga adalah termurah jika dibanding dengan kereta asing di Malaysia tetapi masih tinggi, apakah sebab-sebab harga Proton Saga tidak boleh dikurangkan?

Dato' Dr Suleiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang hendak membuat perdagangan itu mestilah mencari untung. Kalau tidak, tidak ada ertinya. Jadi, sekiranya kita menjual kereta kita kurang daripada harga modal, sudah tentu sekalilah, syarikat itu akan bankrap. Sepertimana kita sedia maklum, sebahagian besar iaitu kurang daripada 4% daripada komponen kereta ini diimport daripada negara asing, terutama sekali dari negara Jepun dan Kita faham juga bahawa Yen 'exchange' pada masa ini adalah begitu tinggi sekali. Oleh itu, kita tidak dapat menjual kereta kita dengan lebih murah walaupun hasrat kita memang mahu ramai orang Malaysia membeli kereta Proton Saga. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kereta Proton Saga mempunyai harga yang begitu kompetitif dibandingkan dengan kereta-kereta lain.

Tuan Haji Jaafar bin Haron: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya selain daripada kereta jenis Proton Saga yang ada sekarang, adakah Kerajaan bercadang pula hendak mewujudkan pembuatan jenis motor seumpama motosikal Proton Saga misalnya.

Dato' Dr Suleiman bin Haji Daud: Minta ulang sekali lagi, saya tidak dengar.

Tuan Haji Jaafar bin Haron: Selain daripada kereta Proton Saga yang diadakan sekarang, adakah Kerajaan bercadang pula hendak mewujudkan pembuatan jenis motor, seumpama motosikal Proton Saga misalnya.

Dato' Dr Suleiman bin Haji Daud: Motosikal? Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan Kerajaan ada mempunyai syarikat ataupun sekurang-kurangnya syer dalam syarikat yang mengeluarkan enjin ataupun kereta-kereta serupa motosikal.

BEKALAN ELEKTRIK DI LADANG-LADANG

2. Tuan V.K. Sellapan minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah rancangan Kerajaan terhadap pembekalan elektrik dan pemasangan talian telefon ke ladang-ladang di seluruh Malaysia bagi kegunaan pekerja-pekerja ladang;
- (b) setakat ini berapa banyak ladang telah menikmati bekalan elektrik dan talian telefon bagi pekerja-pekerja ladang di negara ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah Kerajaan terhadap ladang-ladang yang masih tidak dapat menikmati kemudahan seperti bekalan elektrik dan talian telefon.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini menyentuh tentang bekalan elektrik dan telefon serentak, izinkan saya menjawab mengenai bekalan elektrik terlebih dahulu.

- (a) Adalah menjadi harapan dan matlamat Kerajaan untuk memberi bekalan elektrik kepada semua lapisan masyarakat di seluruh negara kita termasuk juga kawasan di ladang-ladang.
- (b) Setakat ini terdapat sejumlah 106 ladang yang telahpun menerima bekalan elektrik daripada Lembaga Letrik Negara.
- (c) Bagi ladang-ladang yang terletak berhampiran dengan rangkaian sistem yang sedia ada, pihak Kerajaan menggalakkan ladang-ladang tersebut untuk mendapatkan bekalan daripada Lembaga Letrik Negara. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah pegawai-pegawai Lembaga Letrik Negara pergi dan berjumpa dengan pihak pengurusan ladang-ladang untuk menggalakkan mereka menukar set-set janakuasa sendiri kepada pembekalan daripada Lembaga Letrik Negara. Pada masa ini, Lembaga Letrik Negara telah mengurangkan bayaran sumbangan pengguna kepada hanya 50% daripada kos penyambungan bagi pengguna domestik dan 10% daripada kos penyambungan bagi sektor industri.

Bagi ladang-ladang yang jauh letaknya daripada rangkaian sistem yang sedia ada, memanglah menjadi hasrat dan matlamat Kerajaan sepertimana bagi kawasan-kawasan yang lain untuk memberi kemudahan bekalan elektrik melalui rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkhidmatan telekomunikasi, ladang-ladang biasanya terletak di kawasan pendalaman dan di luar bandar. Kawasan-kawasan seumpama ini juga diliputi di bawah Rancangan Pondok Telefon Awam Luar Bandar di mana Syarikat Telekom Malaysia dipertanggungjawabkan untuk menyediakannya. Walau bagaimanapun, oleh kerana ladang-ladang itu sendiri berada di kawasan-kawasan yang jauh dan terpencil, matlamat Kerajaan untuk menyediakan kemudahan telekomunikasi yang sempurna ke kawasan berkenaan menghadapi beberapa masalah dari segi teknikal dan juga dari segi kewangan.

Dari segi teknikal, Kerajaan melalui Syarikat Telekom Malaysia, telah berusaha untuk menyediakan perkhidmatan ini melalui penggunaan teknologi telekomunikasi baru yang sesuai seperti perkhidmatan ATUR, perkhidmatan Multi Access Radio dan Perkhidmatan Radio Call Service.

Dari segi peruntukan kewangan pula, pihak Kementerian sedar bahawa peruntukan ini dan cara pengendalian rancangan ini iaitu pondok telefon awam di luar bandar yang diamalkan pada masa ini adalah terhad dan tidak dapat memenuhi sepenuhnya hasrat dan kehendak rakyat luar bandar. Satu perubahan perlu dibuat dan dalam hubungan ini, pihak Kementerian sedang mengkaji semula proses pelaksanaan projek ini serta merumus satu formula baru dari segi peruntukan kewangan untuk menyediakan kemudahan telekomunikasi ke kawasan luar bandar termasuk ladang-ladang dengan lebih berkesan lagi.

TUNJUK PERASAAN PELAJAR-PELAJAR

3. **Tuan Syed Abdul Hamid bin Sagaff** minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menentukan kejadian "tunjuk perasaan" oleh pelajar pusat pengajian tinggi seperti yang berlaku di Institut Teknologi MARA (ITM) tidak berulang lagi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk melarang pelajar-pelajar universiti dan Institusi Pengajian Tinggi untuk mengadakan tunjuk perasaan secara haram. Tindakan tatatertib akan diambil bagi mereka yang tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.

Pada masa ini, langkah-langkah yang diambil ialah:

- (i) pengurusan semua Institusi Pengajian Tinggi telah diberi kuasa untuk meluluskan apa-apa perhimpunan semua Institusi Pengajian Tinggi yang berfaedah kepada perkembangan dan sahsiah pelajar.
- (ii) perhimpunan haruslah diadakan di dalam dewan dan di tempat-tempat tertutup.
- (iii) beberapa syarat haruslah dipatuhi oleh pihak pelajar dari segi keselamatan pelajar yang mengambil bahagian dalam perhimpunan itu.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan menjelaskan bahawa selama ini beberapa orang pelajar-pelajar telah diambil tindakan tatatertib kerana terlibat dengan tunjuk perasaan.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angkanya di sini.

PELARIAN VIETNAM - KEMASUKAN

4. **Dr. Nawawi bin Mat Awin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan sebenar tindakan-tindakan yang diambil di peringkat antarabangsa untuk mengurangkan kemasukan pelarian Vietnam ke negara ini memandangkan laporan-laporan menunjukkan lebih ramai lagi pelarian-pelarian itu meninggalkan Vietnam sekarang ini dan jelaskan sama ada mereka itu benar-benar pelarian atau semata-mata mereka yang ingin memperbaiki keadaan dan masa depan ekonomi mereka. Beri angka terakhir pelarian yang masih berada di negara ini dan berapa yang dianggap tidak diterima oleh negara-negara ketiga.

27. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sesudah persetujuan dengan pemimpin negara Vietnam yang bersetuju menerima semula pelariannya balik ke negerinya, berapa ramaikah lagi yang masih tinggal di sini dan berapa ramai pula yang baru masuk.

7.7.89

4. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah tegas dan segera yang telah dirancang bagi mengatasi masalah pendatang haram pelarian Vietnam yang kian meningkat dan membebankan negara kita.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che

Wan: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim pada hari ini dan daripada Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin pada 7hb Julai kerana soalannya adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Persidangan Antarabangsa Mengenai Orang-orang Pelarian Indochina yang baru sahaja selesai diadakan di Geneva pada 13hb-14hb Jun, tahun ini, telah menerima sebulat suara suatu "Comprehensive Plan of Action", dengan izin, CPA. CPA ini menggariskan tanggungjawab dan komitmen semua pihak yang berkaitan dengan masalah Pendatang Haram Vietnam ataupun PHV termasuk Vietnam sendiri sebagai-negara asal. Di Persidangan tersebut, Vietnam telah bersetuju untuk mengambil langkah-langkah yang lebih efektif untuk menyekat rakyatnya keluar secara haram ataupun, dengan izin, clandestine departure; memperluaskan dan mempercepatkan, dengan izin, "Orderly Departure Programme" ataupun ODP sebagai saluran tunggal bagi rakyat Vietnam meninggalkan negara mereka. Adalah masih awal untuk menyatakan di sini sama ada Vietnam telah patuh kepada komitmen mereka.

Persidangan antarabangsa juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelaras bertujuan untuk memastikan program-program yang terkandung di dalam CPA dilaksanakan dengan segera. Jawatankuasa ini akan membuat penilaian pada bulan Oktober ini mengenai kekesan langkah-langkah yang telah diambil oleh negara-negara berkenaan khususnya Vietnam dan mencadangkan langkah-langkah lain yang dirasakan perlu.

CPA juga mengandungi peruntukan bagi diadakan 'screening mechanism' di negara-negara pendaratan pertama seperti Malaysia bertujuan untuk menentukan status pendatang-pendatang haram ini. Satu 'cut-off date', dengan izin, pada 14hb Mac, 1989 telahpun ditetapkan di mana semua pendatang haram Vietnam yang sampai ke negara ini selepas tarikh tersebut tidak akan dipindahkan secara automatik ke negara-negara ketiga. Hanya mereka yang ditetapkan sebagai 'bona fide refugees', dengan izin, akan dipindahkan ke negara ketiga. Bagi 'non-refugees' dengan izin, mereka akan dihantar pulang ke Vietnam.

Di persidangan itu juga, negara-negara ketiga telah bersetuju untuk memindahkan semua pendatang-pendatang haram yang berada di khemah-khemah sementara di Asia Tenggara sebelum 'cut-of date' dan semua yang dianggap sebagai 'bona fide refugees' selepas 'screening mechanism' diadakan.

Adalah sukar untuk ditetapkan sama ada mereka ini benar-benar pelarian atau semata-mata mereka yang ingin memperbaiki keadaan dan masa depan mereka. Status mereka sama ada benar-benar pelarian atau, dengan izin, 'economic migrants' akan hanya dapat ditentukan selepas 'screening mechanism' dilaksanakan sejajar dengan CPA.

Dr. Nawawi Mat Awin: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya sebenarnya bukan soalan tambahan. Saya minta dijawab soalan yang terakhir beri angka terakhir pelarian yang masih berada di negara ini dan berapa yang dianggap tidak diterima oleh negara-negara ketiga.

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, jumlah, PHV sebelum 'cut-of date' ialah sebanyak 13,634 orang. Selepas 'cut-of date' sehingga kini jumlahnya bertambah kepada 22,108 orang iaitu jumlah yang baru datang selepas 'cut-of date' ialah sebanyak 8,374 orang.

Tentang mereka yang belum dapat ditempatkan ke negara-negara ketiga, adalah merupakan masalah yang paling besar sekali yang sedang dihadapi oleh negara kita sebab mengapa Malaysia menjadi daya utama menwujudkan persidangan antarabangsa berkenaan dengan pelarian Indo China untuk khusus kita mencari jalan keluar tentang pendatang haram yang tidak dapat ditempatkan ke negara ketiga. Insya Allah selepas ianya tamat diadakan baru-baru ini melalui 'Comprehensive Plan Action' kita harap dalam masa paling lewat tiga tahun semua pendatang haram akan dapat ditempatkan ke negara-negara ketiga dan yang lain itu akan dapat dihantar balik ke Vietnam.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai dengan takrif status pelarian ini sepertimana yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi adalah merupakan satu perkara yang sukar untuk menentukan sama ada pelarian-pelarian ini benar-benar pelarian bona fide ataupun mereka ini sekadar pelarian ekonomi. Saya difahamkan adanya percanggahan pendapat mengenai pentakrifan ini daripada Amerika Syarikat dan juga Britain. Soalan tambahan saya hanya ingin meninjau apakah pendirian Kerajaan Malaysia mengenai percanggahan ini.

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan sebentar tadi bahawa salah satu jawatankuasa penyelarasan telahpun ditubuhkan khusus untuk mengkaji perkara-perkara yang menjadi masalah tentang perkara-perkara tertentu untuk menghadapi masalah PHV ini, dan salah satu masalah ialah tentang pengtakrifan itu tadi. Maka selepas kita mengadakan jawatankuasa ini, Insya Allah mereka akan dapat menggariskan garisan tertentu dari segi siapakah dan cara manakah akan dipastikan status pendatang haram itu dengan sebenarnya.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md Salih: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan layanan yang diberi kepada pendatang haram ini terlalu baik dan ini telah menjadi satu tarikan pula kepada pelarian-pelarian yang lain yang cuba menumpukan atau datang ke Malaysia. Adakah ini betul?

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, tentang baik ataupun tidaknya layanan itu terpulang kepada orang yang mentafsirkan layanan yang sedemikian. Tetapi pihak Malaysia kita berpegang teguh di atas Perjanjian Geneva yang telah pun ditandatangani awal-awal lagi. Kita sebagai sebuah negara yang merupakan negara pertama ataupun negara yang hanya sebagai transit centre sahaja dan kita membuat apa yang kita telahpun dikehendaki melalui perjanjian yang kita sama-sama tandatangani itu.

KEDUTAAN MALAYSIA DI BEIJING - KESELAMATAN KAKITANGAN

5. Cik Norani binti Haji Beluah minta Menteri Luar Negeri menyatakan:;

- (a) bagaimanakah keadaan keselamatan Pegawai dan Kakitangan serta keluarga Kedutaan kita di Beijing;
- (b) apakah peranan Kementerian, Luar Negeri bagi membantu/mengatasi masalah pelajar-pelajar di Beijing.
- (c) adakah Kerajaan Malaysia menyokong tuntutan yang dibuat oleh pelajar-pelajar yang mahukan Demokrasi di negara mereka; dan
- (d) setakat manakah kerjasama yang telah diberikan bagi mengatasi supaya perbuatan ganas yang dilakukan oleh pihak pemerintah ke atas pelajar-pelajar dan orang ramai itu dapat diberhentikan segera.

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, semua pegawai dan kakitangan serta keluarga di Kedutaan Besar Malaysia di Beijing berada di dalam keadaan selamat. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebagai langkah keselamatan ahli-ahli keluarga dan tanggungan pegawai-pegawai kita seramai 61 orang telahpun dibawa pulang ke tanahair pada 5hb Jun 1989.

Kita menganggap bahawa apa yang berlaku di China adalah soal dalaman negara itu sendiri. Dengan itu Kerajaan Malaysia tidak campurtangan atau mengambil sebarang pendirian mengenai demonstrasi dan pergolakan pelajar-pelajar di China. Namun demikian kita telah menyatakan rasa bimbang dan sedih kita di atas peristiwa Tiananmen yang membawa kepada pertumpuhan darah.

IKLAN DI RTM

6. Tuan Haji Abdul Manap bin Hashim minta Menteri Penerangan menyatakan mengapakah RTM masih menggunakan iklan-iklan di suatu rancangan yang tidak sesuai dan wajar seperti Siaran Berita umpamanya. Situasi begini akan mengganggu tumpuan para penonton yang sedang mengikuti rancangan tersebut.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]: Iklan merupakan sumber hasil yang utama bagi RTM dan juga lain-lain stesyen radio dan televisyen di seluruh dunia. Hasil yang didapati dari iklan membolehkan RTM berusaha memperbaiki rancangan-rancangan dan menampung sebahagian besar daripada perbelanjaannya yang berkaitan dengan pembelian-pembelian rancangan-rancangan dan juga kelengkapan. Ini juga dapat mengurangkan beban kewangan Kerajaan bagi mengendalikan RTM pada keseluruhannya.

Iklan-iklan yang disiarkan melalui program-program RTM adalah dikawal perbelanjaannya. Iklan-iklan dalam rancangan Warta Berita sangat kurang bilangannya jika dibandingkan dengan iklan-iklan dalam rancangan-rancangan hiburan dan yang lain-lain. Oleh itu ia tidak dianggap mengganggu rancangan malah memberikan peluang untuk berehat semasa mendengar berita.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mengemukakan dua soalan. Oleh kerana Berita adalah merupakan satu daripada intisari terpenting siaran-siaran dan ianya sangat diteliti oleh semua rakyat dan sangat penting, tidakkah dapat supaya di dalam Berita ditiadakan langsung siaran-siaran iklan?

Yang kedua, adakah mereka-mereka yang membuat iklan dalam siaran Warta Berita itu bayarannya lebih tinggi daripada lain-lain siaran mengenangkan bahawa Berita adalah satu siaran penting dan terlalu ramai penontonnya?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli-ahli dalam Dewan ini pernah ingat satu masa dulu berita-berita dalam semua bahasa disiarkan tanpa adanya iklan di perantaraannya. Tetapi hanya selepas itu telah difikirkan bahawa dari segi pendapatan kita boleh mendapat pendapatan yang lumayan jadi Berita itu kita kena adakan iklan sebagai sebahagian daripada sumber pendapatan RTM. Jadi sebabnya itulah. Kalau tidak hendak diadakan pun boleh. Tetapi kita fikir elok diadakan kerana ini merupakan satu sumber pendapatan yang penting.

Berkenaan dengan sama ada iklan itu mendatangkan hasil yang banyak itu terserah menurut jadual yang ditentukan dalam waktu atau jam berapakah iklan-iklan itu diadakan kerana kita mempunyai rate dan table tertentu seperti kalau waktu prime time, iklan itu mahal dan iklan yang merupakan filem let lebih mahal daripada slide. Jadi, kalau saya hendak tunjukkan sepenuhnya, saya ada rate card di sini. Kalau Yang Berhormat ingin lihat di luar boleh saya tunjukkan.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan sungguhpun iklan siaran TV berkaitan dengan rokok tidak ada, tetapi semua jenama jenis rokok ada dikeluarkan dalam iklan TV. Apabila orang-orang yang menghisap rokok melihat jenama-jenama rokok atau mendengar iklan muzik, mereka sudah ada 'kick' untuk menghisap rokok. Saya faham hasil-hasil banyak datang daripada syarikat-syarikat rokok, tetapi tujuan Kerajaan kita ialah untuk tidak menggalakkan rakyat kita menghisap rokok. Apakah pendirian dan pandangan Kementeeian Penerangan ataupun adakah apa-apa rancangan untuk mengelakkan iklan-iklan ini?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, pendirian Kementerian Penerangan adalah pendirian Kerajaan iaitu Kerajaan tidak menggalakkan orang merokok, tetapi kita cuma memamarkan dalam iklan-iklan berkenaan rokok di televisyen dengan jenama dan tidak menunjukkan orang menghisap rokok seperti pada masa-masa yang lalu. Jadi, dengan sekaligus bukan sahaja kita tidak menunjukkan sebagai satu penggalakan menghisap rokok, kita juga memungut hasil daripada iklan tersebut. Itulah yang sebenarnya.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Penerangan kami tidak pula menghalang RTM untuk mendapatkan sumber-sumber kewangan daripada iklan. Cuma soalan saya nampak daripada tiga rakan-rakan kami menumpukan kepada masalah memasukkan iklan dalam siaran Warta Berita. Kami menyoal soal ini setelah kami dapat laporan dan rungutan daripada orang ramai, tetapi bila Timbalan Menteri menjawab tadi seolah-olah mempertahankan rancangan itu. Jadi, bolehkah saya ingin bertanya Timbalan Menteri mengkaji semula kerana ini adalah rungutan daripada orang ramai yang dibawa oleh pihak Senators di dalam Dewan ini yang mana tidak sesuai dalam rancangan Warta Berita

itu supaya membolehkan semua orang menumpukan kepada Berita, kemudian dimasukkan iklan. Bolehkah atau tidak Kementerian Penerangan menukar rancangan iklan itu supaya ianya tidak ada kena-mengena dengan masa Warta Berita? Itu saya ingin tahu.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, soal bolehkah itu, memang boleh, tetapi perkara ini hendak dipertimbangkan seperti apa yang telah kita buat sebelum itu dan selama ini. Itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu soalan sahaja lagi.

Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan jelas mempunyai satu dasar iaitu tidak menggalakkan rakyat untuk menghisap rokok, tetapi di samping itu membenarkan iklan-iklan yang ditaja oleh syarikat-syarikat yang membuat rokok. Soalan saya ialah bukannya dengan berbuat demikian seolah-olah Kerajaan itu memisahkan pedas dengan lada ataupun memisahkan gula dengan manis?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini lebih kurang sama juga seperti yang awal-awal tadi. Memanglah selagi kita tidak menggalakkan orang merokok pada satu tempat ataupun satu keadaan dan di satu keadaan pula kita membenarkan jenama-jenama itu diiklankan di televisyen. Dan lagi pun jenama-jenama ini bukan sahaja semata-mata rokok seperti Dunhill umpamanya. Jenama Dunhill bukan sahaja mengeluarkan rokok, tetapi bermacam-macam barangan ada dikeluarkan oleh Dunhill. Jadi, dalam hal ini kita ambil jalan tengah. Selain daripada kita tidak menggalakkan orang merokok ataupun Kerajaan tidak menggalakkan orang merokok, tetapi kita mengeluarkan jenama itu iaitu menunjukkan sikap ke 'liberal'an kita supaya rakyat dapat memilih, sedangkan kita tidak menunjukkan sebagai galakan bahawa rokok itu adalah harmful, dengan izin. Jadi, saya berpendapat tindakan Kerajaan yang dibuat melalui Jabatan Penerangan ialah satu perkara yang wajar yang telah dibuat selama ini.

MINYAK KELAPA SAWIT

7. **Pandikar Amin bin Haji Mulia** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan keberkesanan setakat ini, jaminan Presiden Bush kepada Kerajaan Malaysia mengenai dengan soal minyak kelapa sawit kita yang mendapat tentangan pemasarannya dari pihak-pihak yang tertentu di Amerika Syarikat.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Alias bin Md. Ali]:

Tuan Yang di-Pertua, semasa pertemuan beliau dengan Presiden George Bush pada 21hb Mei, 1989 dalam rangka lawatan beliau ke Amerika Syarikat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berbincang antara lain tentang kempen anti minyak kelapa sawit Malaysia. Pentadbiran Amerika Syarikat sebelum ini iaitu di bawah Presiden Reagan pernah menegaskan tentangan terhadap percubaan mendiskriminasikan minyak kelapa sawit. Dalam hubungan itu, wakil Perdagangan Amerika Syarikat pada masa itu telah mengutuskan sepucuk surat kepada Jawatankuasa Senate mengenai pertanian negara pada 16hb Oktober, 1987 untuk menyatakan bantahan terhadap satu Rang Undang-undang yang bertujuan menghendaki minyak-minyak tropika termasuk minyak kelapa sawit dilabel sebagai minyak tepu. Tujuan Yang Amat Berhormat membangkitkan isu itu dengan Presiden Bush ialah untuk mendapatkan kepastian bahawa Malaysia tidak dijadikan mangsa sewenang-wenang oleh pihak-pihak tertentu di negara itu berhubung dengan kempen yang berkenaan.

Presiden Bush telah menyatakan rasa simpati beliau bahawa Malaysia tidak harus didiskriminasikan. Pada masa ini adalah terlalu awal untuk membuat anggaran tentang keberkesanan hasil perbincangan itu. Akan tetapi rasa simpati yang disampaikan oleh Presiden Bush itu tentunya tidak dibuat dengan sewenang-wenangnya. Saya penuh yakin bahawa ianya akan menjamin layanan yang adil kepada kepentingan negara kita dalam konteks kempen anti minyak kelapa sawit.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, mungkin soalan tambahan saya ini tidak berkait secara langsung dengan soalan asal, tetapi berkaitan dengan kempen-anti minyak kelapa sawit ini sendiri. Saya difahamkan sekarang pihak yang asalnya melakukan kempen-kempen anti minyak kelapa sawit ini ialah daripada golongan Persatuan Penanam-penanam Kacang Soya (ASA). Tetapi di masa kebelakangan ini kumpulan ASA ini tidak lagi menumpukan kempen tentang anti minyak kelapa sawit ini, dan dengan izin, crusade, menentang ataupun mengambil isu ini untuk berkempen tentang anti minyak kelapa sawit ini diambilalih oleh kumpulan-kumpulan yang begitu, hendak kata minat pun tidak, tetapi begitu kuat azam mereka dengan soal-soal kesihatan. Adakah perkara ini benar, dan jika ini benar, apakah persediaan-persediaan yang dilakukan oleh pihak Kementerian untuk menghadapi cabaran di peringkat kedua ini mengenai kempen anti minyak kelapa sawit?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatakan bahawa ASA tidak lagi memainkan peranan penting di dalam kempen anti minyak kelapa sawit ini tidak begitu tepat. Mereka masih lagi berusaha dan di samping itu memang benar terdapat kumpulan-kumpulan lain di Amerika Syarikat yang juga menjalankan kempen menentang minyak kelapa sawit atas sebab-sebab mereka sendiri. Dan pihak Kementerian saya tidak menganggap kedua-kedua kumpulan ini sebagai kumpulan yang berasingan. Mereka sebenarnya saling bantu-membantu antara satu sama lain dan sebarang persiapan, persediaan untuk menentang kempen ini mestilah dirangka, dianggap sebagai suatu tindakan yang bersepadu oleh pihak-pihak yang berkenaan itu. Pihak Kementerian telah menjalankan beberapa ujian-ujian di beberapa banyak institusi pengajian tinggi dan juga badan-badan

kajian atau, dengan izin research bodies di beberapa buah negeri di dunia dan maklumat-maklumat mengenai kajian-kajian itu telahpun dikumpulkan. Setakat ini semua maklumat-maklumat yang diterima menunjukkan bahawa penggunaan minyak kelapa sawit tidak membahayakan kesihatan manusia, malah menunjukkan sifat-sifat yang positif terhadap kesihatan manusia dan maklumat-maklumat ini akan disebarkan ke seluruh dunia melalui seminar-seminar, pameran-pameran dan juga lain-lain cara yang boleh sampai kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan perusahaan minyak kelapa sawit dan penggunaan minyak kelapa sawit.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati dengan penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai hasil-hasil penyelidikan yang telah kita usahakan untuk menunjukkan bahawa minyak kelapa sawit tidak merbahaya kepada kesihatan, tetapi saya juga mendapat maklumat bahawa pihak yang menentang atau yang anti minyak kelapa sawit itu juga melakukan penyelidikan yang menghasilkan pendapat-pendapat yang bercanggah dengan apa yang kita kemukakan dan oleh kerana itu masih timbul kontroversi dari segi penerimaan hasil penyelidikan kita. Bagaimanakah pendapat kita tentang perkara ini?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, di dalam dunia ini memang ada dua perkara iaitu perkara yang baik dan perkara yang tidak baik dan sesuatu benda, seseorang manusia atau apa juga yang mesti ada aspek-aspek yang baik boleh dicungkil dan ada aspek-aspek yang tidak baik yang boleh diada-adakan dan terpulanglah kepada orang ramai untuk menilai yang mana baik dan yang mana tidak baik dan yang mana satu yang mereka hendak percaya. Dalam hal hasil kajian mengenai minyak kelapa sawit, kita berpegang kepada konklusi-konklusi yang bersifat saintifik dan bukan cakap-cakap kosong yang tidak ada sokongan daripada aspek dan fakta saintifik.

LATIHAN KEPADA PENUNTUT LEPASAN SRP

8. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Pendidikan menyatakan, memandangkan bahawa Kerajaan berusaha membasmi kemiskinan di kalangan rakyat, banyak lepasan SRP (baru berumur lima belas atau enam belas tahun) setiap tahun terpaksa keluar dari alam persekolahan. Mereka tidak berkelayakan untuk melanjutkan pendidikan menengah atas (Tingkatan IV) atau memasuki sekolah-sekolah vokasional. Adakah Kerajaan akan menimbangkan supaya mereka itu diberi peluang dan diwajibkan untuk menerima latihan-latihan teknik dalam tempoh dua tahun lagi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memberi peluang kepada penuntut yang tidak dibenarkan mengulangi SRP di sekolah-sekolah Kerajaan untuk memohon untuk bejalar di sekolah-sekolah menengah vokasional. Sekiranya mereka ini gagal memasuki sekolah-sekolah tersebut, maka mereka bolehlah juga mengikuti program-program yang dijalankan oleh Kementerian Buruh, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

KENAIKAN HARGA BARANGAN - KAWALAN

9. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan kenaikan harga barangan hari ini menimbulkan kesukaran kepada pengguna-pengguna untuk menampung perbelanjaan harian mereka, dan kenaikan harga barangan ini menggambarkan bahawa keadaan inflasi akan kembali sekali lagi ke negara ini, maka apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengawal kenaikan harga barangan hari ini; Kerajaan seharusnya bertindak segera bagi mengelakkan inflasi dari pada berulang di negara ini supaya mengurangkan beban tanggungan rakyatnya.

12. **Tuan Haji Jaafar bin Haron** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sedarkah Kementerian berkenaan iaitu dengan kenaikan harga barang-barang makanan keperluan harian seperti susu, tepung dan sebagainya menjadikan rakyat miskin gelisah. Kenapakah harga barang-barang itu dinaikkan. Adakah berkait dengan kemerosotan nilai matawang negara kita dan tidak adakah jalan lain lagi Kerajaan mengambil tindakan.

7.7.89

16. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah Kementerian sedar kenaikan harga barang keperluan harian yang menjadi-jadi di seluruh negara dan apakah tindakan yang diambil.

12.7.89

25. **Tuan Lau Keng Siong** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah kenaikan harga barang yang tidak terkawal yang mengakibatkan rakyat miskin menderita. Contohnya, harga sekilogram tepung naik 10 sen. Tetapi harga sebutir roti naik 20 sen - 30 sen. Harga serbuk kopi dan gula pasir tidak naik. Tetapi secawan kopi-o naik 10 sen.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato' Kok Wee Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar bin Haron yang dijadualkan pada hari ini (6hb Julai, 1989), Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah yang dijadualkan pada 7hb Julai, 1989 dan Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong yang dijadualkan pada 12hb Julai, 1989 kerana soalan-soalan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga barang-barang turun naik dari semasa ke semasa disebabkan oleh pengaruh bekalan dan permintaan yang berubah-ubah mengikut musim. Kenaikan kos bahan mentah, pengangkutan serta bahan pembungkusan dan kenaikan nilai matawang negara pembekal juga menjadi faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan harga barang-barang ini. Sungguhpun kos-kos ini telah naik begitu tinggi, namun kenaikan harga barang-barang pada keseluruhannya adalah didapati munasabah dan berpatutan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan dan langkah-langkah perlu bagi mencegah berlakunya kenaikan harga barang-barang keperluan harian. Bagi barang-barang yang amat perlu seperti beras, gula, tepung gandum, bahan-bahan petroleum, simen dan besi, Kerajaan telah menetapkan harganya dan sebarang kenaikan harga, mestilah mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu. Siasatan menunjukkan bahawa barang-barang ini dijual dengan harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Bagi barang-barang lain, Kerajaan tidaklah menetapkan harganya. Sungguhpun harga barang-barang ini tidak ditetapkan oleh Kerajaan, barang-barang ini wajib diletakkan tanda harga di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1977. Buat masa ini sebanyak 111 jenis barang wajib diletakkan tanda harga. Di samping itu, sebanyak 20 jenis barang perlu telah diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan tetap dan 25 jenis lagi sebagai barang-barang kawalan di musim perayaan dengan tujuan untuk memastikan bekalan barang-barang ini mencukupi dan senang didapati di pasaran dan juga untuk mencegah sebarang aktiviti penyorokkan dan penyelewengan bagi maksud spekulasi. Dengan adanya bekalan barang-barang yang mencukupi di pasaran secara tidak langsung harga barang-barang ini dapat distabilkan.

Kerajaan akan terus menjalankan pemeriksaan dan pengawasan untuk memastikan bekalan barang-barang perlu ini mencukupi dan harganya diletakkan mengikut Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1977 dan sebarang penyelewengan akan diambil tindakan yang tegas. Dengan adanya tindakan terus-menerus sepanjang masa ini, adalah didapati bekalan barang-barang mencukupi dan harganya pada keseluruhannya adalah stabil dan berada di paras yang

berpatutan dan munasabah. Kerajaan juga telah mempertingkatkan pemeriksaan terhadap peniaga-peniaga. Pemeriksaan besar-besaran ini telah dilancarkan mulai 2hb Januari tahun ini. Semenjak pemeriksaan besar-besaran ini dilancarkan sehingga 24hb Jun tahun ini, sebanyak 66,017 premis-premis perniagaan, pasaraya-pasaraya, pasar-pasar malam dan sebagainya telah diperiksa dan telah menghasilkan 2,861 kes.

Perlu ditegaskan di sini bahawa peranan Kerajaan sahaja adalah tidak mencukupi untuk memerangi kenaikan harga barang-barang. Pengguna-pengguna juga mestilah mengambil peranan yang sama dengan mengamalkan sikap jimat cermat dan hanya membeli barang-barang yang difikirkan perlu sahaja dan memulaukan barang-barang yang tidak perlu. Cara ini adalah sebaik-baik cara untuk mengurangkan kesan inflasi dan kenaikan harga barang-barang.

Puan Aion binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertamanya tahniah dan sokongan kepada Kementerian berkenaan yang menyedari masalah yang hampir dan dirasai sangat oleh rakyat terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Soalan tambahan saya ialah setelah menyedari bahawa peranan pengguna juga penting, adakah Kementerian yang diwakili oleh Yang Berhormat itu mengadakan kempen-kempen kesedaran kepada pengguna-pengguna selain daripada yang dianjurkan oleh persatuan pengguna dan adakah pihak Kementerian berhubung rapat dengan media elektronik dan media cetak dalam membuat kempen kesedaran hak-hak pengguna ini?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, ada.

Puan Valli Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa selepas kenaikan harga gula, pekedai-pekedai menaikkan harga minuman kopi dan teh dengan sewenang-wenangnya. Apakah tindakan Kementerian telah ambil?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kalau kopi dan lain-lain minuman tidak diperlukan, saya mencadangkan supaya kita tak minum minuman itulah.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada hari ini sudah menjadi kenyataan pengguna selalunya marah kepada syarikat-syarikat multi-national organization, dengan izin, yang menambah ataupun menokok harga itu jadi tinggi sehingga menyusahkan pengguna. Ada juga di kalangan pengguna yang menganggap iklan jenama syarikat itu dikeluarkan itu secara hebat yang mengeluarkan wang banyak, ini juga dijadikan sebab naiknya onkos ataupun overheadnya yang melebihi dan menambahkan harga barang-barang itu sekarang. Benarkah ini?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak pastilah ada pengguna-pengguna berfikir seperti Yang Berhormat. Tetapi pada pandangan saya iklan-iklan itu mesti menambah kos-kos rokok-rokok yang disebut.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya barang harian. Jadi sekarang harga dia naik seperti barang-barang yang kita makan macam susu naik 20 sen atau 30 sen sebab dia ini ada persaingan, mahu belanja wang banyak untuk iklan. Ini juga ditokok untuk modal iaitu supaya barang itu perlu naik kerana dia belanja lebih, Syarikat itu menambahkan harga barang. Ini tidakkah boleh Kementerian mengecualikan iaitu kalau sekiranya dia hendak masuk iklan, dia belanja banyak itu tidak boleh dimasukkan sebagai satu kira perbelanjaan. Ini maksud saya.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bersetuju dengan Yang Berhormat, tetapi pada masa sekarang kita tidak ada peraturan-peraturan mengawalkan iklan-iklan seperti itu.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selalunya pengguna-pengguna dikehendaki membayar kenaikan harga barang-barang. Adakah Kerajaan memberi tempoh masa untuk kenaikan harga barang-barang, terutamanya barang-barang keperluan iaitu susu, tepung dan sebagainya. Adakah satu tempoh masa bila boleh harga ini naik.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya menjawab tadi, oleh kerana barang-barang perlu dikawalkan oleh Kementerian saya, bila barang-barang itu naik harganya itu mesti dapat kebenaran dari Kementerian saya dan melalui cara ini kita mengawal harga.

TANAH GETAH ORANG ASLI

10. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan perkara seperti berikut:

- (i) jumlah tanah-tanah kebun getah di perkampungan Orang Asli di seluruh negara yang telah ditanam semula oleh pihak RISDA sama ada secara tanam semula dan Mini Estet di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima. Berapa luas yang telah mengeluarkan hasil; dan
- (ii) dan jumlah peruntukan RISDA bagi menanam semula kebun getah Orang Asli mulai tahun 1988 hingga tahun 1990 di seluruh negara (jika ada) dan keluasan yang terlibat.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

- (i) Sehingga akhir tahun 1988, seluas 1,615.12 hektar tanah

getah Orang Asli meliputi 877 orang peserta telah diberi bantuan tanam semula. Dari jumlah ini, seluas 660 hektar telah mengeluarkan hasil.

- (ii) RISDA tidak mempunyai peruntukan kewangan yang khusus untuk menanam semula tanah getah Orang Asli. Walaupun demikian, semua permohonan daripada Jabatan Orang Asli untuk menanam semula tanah-tanah Orang Asli yang didapati layak, adalah diberi keutamaan dan diluluskan.

PENDATANG TANPA IZIN DI LADANG - LADANG

11. **Tuan Lau Keng Seong** minta Menteri Buruh menyatakan apakah tindakan tegas diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah berikut:

Dasar-dasar Kerajaan sentiasa tidak dapat diperlaksanakan dengan cara baik, adil dan licin, kerana ada sebahagian kakitangan Kerajaan tidak mahu memberi kerjasama penuh dan mereka juga tidak mahu mematuhi arahan-arahan dan dasar-dasar yang telah disetujui oleh pihak berkuasa Kerajaan. Contohnya, Jabatan Buruh sentiasa bersikap tidak berkeras dan tegas mengenai pendatang-pendatang haram yang menyorok dan bekerja di ladang-ladang luar bandar. Ada sebahagian mereka telah menjadi perompak, pencuri dan pembunuh.

Timbalan Menteri Buruh [Tuan Kalakau Untul]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh kesal dan menyangkal dakwaan bahawa sebahagian kakitangan Kerajaan tidak memberi kerjasama serta tidak mematuhi arahan-arahan untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan.

Mengenai tindakan ke atas pendatang-pendatang tanpa izin di ladang-ladang, Yang Berhormat sedia maklum bahawa kemasukan pendatang tanpa izin, adalah secara senyap-senyap dan ini amat sukar untuk dikawal. Walau bagaimanapun, dengan penguatkuasaan ketat Akta Sekatan Kerja 1968, di bawah kuasa Kementerian ini, lebih kurang 100 majikan telah didakwa di mahkamah sejak 1985 dengan dikenakan denda di dalam perkara-perkara tersebut. Selain daripada tindakan mahkamah itu, Kementerian Dalam Negeri juga sentiasa berusaha untuk mengesan, menangkap, mendakwa serta mengusir pendatang-pendatang tanpa izin ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar bin Harun.

Tuan Haji Jaafar bin Harun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, sebab tadi sudah dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! Saya silap.

Tuan Haji Jaafar bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ringkas sahaja. Bolehkah Kerajaan menurunkan harga barang-barang keperluan hari ini seperti susu, tepung dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini tidak ada kena mengena.

Tuan Haji Jaafar bin Harun: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, minta maaf. Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar bin Harun. Soalan No. 12.

Tuan Haji Jaafar bin Harun: Saya difahamkan soalan No.12, Tuan Yang di-Pertua, telah dijawab tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, ya?

Tuan Haji Jaafar bin Harun: Jadi, saya mengemukakan soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah lepas.

L.L.N. - KEROSAKAN HARTA

13. **Tuan Haji Abdul Manid bin Haji Abdullah** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan, apakah perbuatan menebang dan merosakkan harta LLN yang berlaku di Kampung Paya Terap, Temerloh itu berlaku juga di tempat lain:

- (a) berapa banyak kejadian yang berlaku; dan
- (b) berapa jumlah kerugian yang ditanggung.

12.7.89

2. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapakah dianggarkan kerugian ditanggung oleh pihak L.L.N. di atas kerosakan tiang-tiang letrik dan dua menara Grid 275 Kv di Kampung Awah baru-baru ini yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan apakah motifnya sebab dilakukan oleh mereka dan adakah kemungkinan dilakukan perkara tersebut kerana permohonan mereka untuk mendapatkan bekalan api letrik lambat dilayan atau sebaliknya.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini adalah hampir sama dengan soalan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam untuk dijawab pada 12.7.1989, saya memohon untuk menjawab kedua-duanya serentak hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Untuk makluman, Ahli-ahli Yang Berhormat baru-baru ini empat kejadian kerosakan harta benda Lembaga

Letrik Negara telah berlaku dalam jangkamasa yang singkat iaitu di antara 8.5.1989 hingga 6.6.1989. Semua kejadian ini telah berlaku di Daerah Temerloh di kawasan kampung-kampung yang berhampiran. Kejadian-kejadian tersebut telah berlaku pada tarikh-tarikh berikut:-

- (i) **8.5.1989**, 4 batang tiang kayu voltan rendah telah ditebang di Kg. Paya Luas;
- (ii) **18.5.1989**, 1 batang tiang kayu voltan rendah telah ditebang di Kg. Paya Pulai;
- (iii) **4.6.1989**, 2 menara Voltan Tinggi 275KV dari Kuala Lumpur ke Kg, Awah telah ditebang dari pinggir Kg. Paya Terap lebih kurang 4 km dari pencawang Kg. Awah;
- (iv) **6.6.1989**, 3 batang tiang kayu voltan rendah telah ditebang di Kg. Paya Pulai.

Jadi, anggaran kos untuk memperbaiki kerosakan tersebut ialah lebih kurang \$45,000.00 terdiri daripada kerja untuk mendirikan semula 2 Menara Voltan Tinggi dan juga untuk menggantikan 8 batang tiang kayu voltan rendah berjumlah lebih kurang \$5,000.00.

Tuan Yang di-Pertua, motif atau sebab pihak yang melakukan kejadian-kejadian tersebut masih belum diketahui. Walau bagaimanapun, kes ini masih dalam siasatan pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

Tuan K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.14.

RANCANGAN TUMPUAN MINGGU - PEMBATALAN

14. **Tuan K. Sivalingam [di bawah S. 0. 23(2)]** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar mengenai perasaan kurang sihat di kalangan kaum India berikutan dengan pembatalan rancangan "Tumpuan Minggu". Adakah Kementerianya bercadang untuk mengekalkan rancangan Tamil ini memandangkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sedia memenuhi aspirasi segala kaum.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, RTM sentiasa mengkaji dan menilai rancangan-rancangan terbitannya dari semasa ke semasa. Mengikut pandangan Kementerian ini, rancangan-rancangan seperti "Tumpuan Minggu" (dalam bahasa Tamil), "Skop" (dalam bahasa Inggeria), "Fokus" (dalam Bahasa Malaysia) dan "Lembaran Minggu" (dalam bahasa Mandarin) perlu ditukarkan untuk memupuk hasrat perpaduan yang lebih bermakna. Rancangan-rancangan majalah yang diterbitkan oleh RTM haruslah lebih menumpukan kepada ciri-ciri "Communalities", dengan lain dan mengurangkan unsur-unsur "communal" atau perkauman.

Kerana itu rancangan-rancangan majalah dalam bahasa sesuatu kaum telah dikaji semula dan diganti dengan rancangan-rancangan yang bercorak kebangsaan dengan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa nasional untuk menyatupadukan rakyat. Dengan cara itu apa-apa masalah yang dihadapi oleh sesuatu kaum di Malaysia akan juga disedari dan difahami oleh masyarakat dari lain-lain keturunan bagi menimbulkan kesedaran bersama dan memupuk perpaduan rakyat. Oleh yang demikian, perkara-perkara yang selalunya ditunjukkan dalam rancangan "Tumpuan Minggu" sudahpun dimasukkan dalam program-program lain seperti "Berita", "Dimensi", "Selamat Pagi Malaysia" dan "Wawancara" yang ditonton oleh semua keturunan rakyat dalam negara kita.

Tuan. K. Sivaliagam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah rancangan penggantian "Tumpuan Minggu" akan disiarkan dalam bahasa Tamil atau Mandarin untuk kepentingan golongan orang tua yang masih belum fasih dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah sebutkan bahawa satu daripada tujuan kenapa Tumpuan Mingguan ini diberhentikan sama juga dengan majalah-majalah yang lain seperti "Skop", "Fokus" dan "Lembaran Minggu" ialah ianya telah dimasukkan ke dalam rancangan-rancangan dalam Bahasa Malaysia seperti "Berita", "Dimensi", "Selamat Pagi Malaysia" dan juga "Wawancara" supaya ianya boleh difahami oleh semua. Jadi, buat masa ini tidak ada rancangan untuk mengubah semula apa yang diputuskan.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990 - PERSEDIAAN

15. **Tuan Hohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) jumlah wang yang sudahpun dibelanjakan untuk membina Papan Tanda Iklan di dalam dan luar negeri sempena Tahun Melawat Malaysia 1990;
- (b) persediaan pihak TDC bagi mengadakan jualan cenderamata dan kraftangan kepada pelancong-pelancong;
- (c) anggaran pelancong yang dijangka datang dan program untuk "menggembirakan" mereka; dan
- (d) sama ada pihak Kementerian mengadakan perbincangan dengan Thailand dan Singapura untuk menarik pelancong-pelancong yang akan datang ke negara tersebut tahun hadapan, untuk turut singgah di Malaysia.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan [Dato' Haji Sabbaruddin Chik]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan untuk membina papan tanda di dalam dan di luar negeri ialah sebanyak \$6.09 juta. Ini ada kaitannya dengan Tahun Melawat Malaysia 1990. Papan-papan tanda ini telah dibina di luar negeri seperti di Thailand, Amerika Syarikat, Timur Tengah, German Barat, United Kingdom dan juga di India selain daripada yang dibina di dalam negeri.

Berkenaan dengan soalan (b), suka saya memaklumkan iaitu Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) tidak mengendaiikan urusanniaga atau jualan cenderamata ataupun keraf tangan kepada para pelancong. Kementerian juga tidak terlibat menjual barang-barang kraftangan ini. Walau bagaimanapun, bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 1990, satu Jawatankuasa Kecil Souvenir telah ditubuhkan dan Jawatankusa ini diketuai oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan

Malaysia yang bertanggungjawab merangka strategi-strategi berhubung dengan pembekalan dan juga pemasaran barang-barang cenderamata dan kraftangan ini. Jawatankuasa ini akan berusaha mendapat dan menggalakkan pengusaha-pengusaha kraftangan supaya mengeluarkan seberapa banyak jenis barang cenderamata yang akan dipasarkan di pasaran terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab mendapatkan kerjasama daripada pasar-pasar besar (super-market), pusat-pusat membeli belah dan tempat-tempat lain yang strategik di samping mengawal harga barang-barang ini.

Anggaran jumlah kedatangan pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia ialah 4.2 juta dan sepanjang tahun itu kita telah merancang 107 aktiviti untuk diadakan sepanjang tahun 1990 dan mungkin akan ditambah lagi aktiviti-aktiviti ini mengikut keperluan dan kehendak pada waktu tertentu. Tujuan kita mengadakan ini ialah untuk memikat para pelancong datang ke Malaysia dan diharap mereka akan tinggal lebih lama daripada sekarang ini.

Secara khususnya, acara-acara yang akan diadakan ini terbahagi kepada lapan semuanya:

- (1) Perayaan berupa Perayaan Kebangsaan seperti Hari Kemerdekaan, Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong,
- (2) Perayaan di peringkat Negeri. Ini termasuk Hari Keputeraan Sultan-sultan dan Raja-raja.
- (3) Perayaan Tradisi. Ini termasuk Hari Raya, Thaipusam, Tahun Baru Cina, Gawai, Dayak dan sebagainya.
- (4) Sambutan Bersejarah. Ini termasuk menyambut Tahun

Menjelang 600 Tahun atau Ulangtahun ke 600 bagi negeri Melaka dan juga ulangtahun ke 50 bagi Taman Negara.

- (5) Ada juga Pesta-pesta Tempatan. Ini termasuk pesta-pesta yang diadakan di Pulau Langkawi dan di Port Dickson, serta juga Malaysia Fest, Sabah Fest dan sebagainya.
- (6) Kemudian itu juga Pertandingan Sukan dan Permainan Rakyat. Ini termasuk Pertandingan Gasing, Pertandingan Wau, Rebana dan sebagainya.
- (7) Pameran-pameran juga diadakan. Ini termasuk Pameran Pakaian Tradisi, Pameran yang ada kaitannya dengan Sejarah Melayu serta juga pameran yang ada kaitannya dengan bunga-bunga termasuk Pameran Orkid.
- (8) Pesta-Pesta Kebudayaan. Ini termasuk misalannya, Pesta Filem Asia Pacific dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kerjasama di antara Malaysia dengan negeri Thai dan juga kerjasama dengan Singapura sebenarnya memang sudah lama wujud supaya menggalakkan pelancong-pelancong yang melawat kedua-dua buah negara tersebut juga melawat Malaysia. Dengan negeri Thailand, misalnya, kita mengadakan satu Jawatankuasa Galakan Pelancongan yang telah ditubuhkan dan dengan Singapura kita ada Majlis Bersama Pelancongan Malaysia-Singapura. Ini juga telah ditubuhkan. Tujuan Jawatankuasa ataupun Majlis ini ialah supaya kita mengadakan pameran bersama yang menguntungkan kedua-dua buah negara; kita mengadakan iklan bersama; kita juga membiayai lawatan-lawatan suaikenal pada para penulis dan pada agen-agen pengembara secara bersama untuk mengurangkan lagi perbelanjaan bagi kedua-dua buah negara. Kita juga bertujuan untuk

memberi bantuan kepada pengusaha-pengusaha pelancongan secara bersama. Akhir sekali, Jawatankuasa ataupun Badan Majlis Bersama ini ialah untuk menganjurkan seminar ataupun menandakan klinik secara bersama, di Jepun, Australia, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Jerman Barat dan juga di United Kingdom.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.16 hingga 54 adalah]

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KELIMA 1986-1990

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah.

Bahawa Dewan ini -
menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kelima;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan, dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang stabil;

meluluskan dan menyetujui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program bertujuan untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 23 Tahun 1989.

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi, sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh. [5hb Julai, 1989]

3.33 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ng Peng.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memohon izin untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada petang semalam.

Selepas meneliti Buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, saya tertarik di bawah tajuk Tenaga Buruh dan Guna Tenaga, bahawa dalam tempoh 1986 hingga 1988 sebanyak 460,000 pekerjaan baru telah diwujudkan. Sebahagian besar adalah dalam sektor-sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas di atas usaha gigih untuk mengurangkan kadar pengangguran daripada 8.3% pada tahun 1986 kepada 8.1% pada tahun 1988. Dalam ramalan dan anggapan saya, saya yakin dan percaya dalam tempoh beberapa tahun akan datang kadar pengangguran akan lebih banyak dapat dikurangkan daripada apa yang dijangkakan memandangkan pertumbuhan ekonomi negara yang begitu pesat. Walaupun ramalan yang dibuat, kadar pengangguran menurun kepada 7.6% berbanding dengan 8.1% dalam tahun 1988 tetapi saya berpendapat iaitu dengan syarat kalau kita hendak mencapai peratusan 7.6% maka dengan syarat rakyat kita tidak terlalu memilih pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut demikian kerana sebagai seorang daripada penyelaras pelaburan asing, kami telah mendapat maklum balas bahawa ada di antara pelabur asing yang telah mendirikan kilang mengalami kesulitan pekerja iaitu di Pulau Pinang dan Johor. Ini telah dikemukakan di dalam satu seminar pelaburan di luar negeri yang mana saya sendiri hadir di seminar tersebut. Saya suka menarik perhatian Kementerian Buruh yang sepatutnya peka tentang masalah kekurangan pekerja yang saya sebut tadi. Kemungkinan Jabatan Buruh, dan Tenaga Rakyat di negeri-negeri kekurangan data-data yang lengkap ataupun kajian yang tidak kemaskini. Contohnya, di Melaka baru-baru ini saya sendiri telah melawat Jabatan Tenaga Rakyat dan mendapati bahawa ianya kekurangan kelengkapan yang moden. Sepatutnya Kementerian Buruh harus membekalkan komputer untuk menyimpan maklumat-maklumat penganggur-penganggur dengan lebih tepat. Dengan keadaan sedemikian barulah benar-benar Jabatan Buruh berfungsi seperti yang diharap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya menggesa Kementerian Buruh bertindak segera untuk menyiasat sebab-sebab aduan pelabur-pelabur yang mengalami masalah kekurangan pekerja yang saya sebut tadi. Saya ingin tahu apakah yang disebabkan kekurangan ataupun kesukaran untuk mendapatkan pekerja di kilang yang saya sebut tadi? Adakah ianya disebabkan kerana pekerja-pekerja kita kurang minat untuk bekerja di dalam kilang, ataupun mereka terlalu memilih kerja, ataupun kerana bayaran gaji yang terlalu rendah, ataupun negara kita kekurangan tenaga mahir? Sekiranya keadaan yang saya sebut tadi benar-benar berlaku, satu tindakan yang wajar dan 'efficient' mestilah diambil. Saya suka mencadangkan agar Kerajaan melipatgandakan usaha-usaha untuk mempergiatkan lagi latihan-latihan kepada belia-belia kita dalam bidang-bidang kemahiran yang diperlukan dalam pasaran buruh masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kajian Separuh Penggal. Rancangan Malaysia Kelima kita dapati sumber pertumbuhan ekonomi negara punca utama adalah daripada sektor eksport. Nilai eksport negara pada tahun 1988 telah meningkat kepada \$55.3 ribu juta iaitu 55% lebih tinggi daripada tahun 1986 dan pengeluaran sektor pembuatan meningkat pada kadar 12.8% dalam tahun 1987 dari 18% dalam tahun 1988.

Sehubung dengan sektor eksport, khususnya pengeluaran sektor pembuatan, saya suka menimbulkan satu masalah yang dihadapi oleh kilang-kilang yang ada dalam negara kita iaitu berkenaan dengan perkhidmatan kontena. Sehingga hari ini, walaupun Kabinet dan Kerajaan kita telah membenarkan 3 buah syarikat kontena bersaing di dalam perkhidmatan kontena di seluruh negara tetapi kos menunda ataupun kos untuk menunda sebuah kontena daripada kilang ke pelabuhan masih sangat tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara jiran. Misalnya, kontena yang 20 kaki panjangnya, kos untuk menunda

daripada Melaka ke Pelabuhan Klang, ialah \$750 dan kalau dibandingkan dengan negara-negara lain ini adalah satu bayaran yang amat tinggi. Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian yang berkenaan dan Kerajaan kita haruslah mengambil tindakan dan membuat satu kajian dan penyelesaian kenapa kos menunda ataupun kos perkhidmatan untuk menunda kontena daripada kilang ke pelabuhan masih begitu tinggi, walaupun 3 buah syarikat kontena telah diberi peluang untuk bersaing antara satu dengan lain. Saya sebutkan kos perkhidmatan menunda kontena yang tinggi ini kerana sekiranya kos ini tidak dikurangkan maka kos untuk pengeluaran daripada sebuah kilang itu akan bertambah tinggi dan pengeluaran di negara kita tidak akan dapat bersaing dengan barang yang sama yang dikeluarkan oleh negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kos untuk menunda kontena itu tinggi, saya pun telah mendapat maklumbalas daripada setengah-setengah pelabur iaitu sikap perkhidmatan daripada Kontena Nasional patut diperbaiki. Kalau sekiranya Kerajaan kita berusaha untuk hendak menarik lebih ramai pelabur asing dan pelabur tempatan untuk menubuhkan kilang untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, maka apa yang saya sebut tadi iaitu berkenaan dengan masalah kontena patut diperbaiki dengan tindakan segera.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam pertumbuhan ekonomi negara sektor swasta adalah memainkan peranan yang penting. Kalau mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia yang Kelima, iaitu sektor swasta telah memainkan peranan yang besar dalam pertumbuhan ekonomi semenjak tahun 1977, iaitu mengikut rekod MIDA, dalam tahun 1988, sebanyak \$9,094 juta iaitu 31% lebih tinggi dibandingkan dengan jumlah yang telah diluluskan dalam tahun 1987 bagi permohonan untuk membuat kilang.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peranan sektor swasta yang saya sukakan timbulkan pada petang ini, iaitu selain daripada pihak Kerajaan telah berusaha untuk menarik pelabur asing menubuhkan kilang dalam negara kita, iaitu patut Kerajaan memainkan peranan menggalakkan lebih ramai lagi pelabur-pelabur tempatan menubuhkan kilang di dalam negara kita. Apa yang saya difahamkan iaitu walaupun Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah bercadang untuk menggalakkan perindustrian sederhana dan kecil di dalam negara kita, tetapi sehingga hari ini saya berpendapat penggalakannya tidak dijalankan dengan licin. Walaupun saya telah dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyebutkan bahawa sehingga Jun 1989. Ini mengikut jawapan bertulis oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian kepada saya, iaitu sehingga Jun 1989, sejumlah 352 buah syarikat industri kecil dan 449 buah syarikat industri sederhana telah diberi galakan taraf perintis.

Saya tidak tahu sama ada jawapan yang disebut ini syarikat industri kecil, dan industri yang disebut ini adakah semua daripada pelaburan tempatan, kerana apa yang saya difahamkan iaitu galakan untuk menubuhkan industri sederhana dan kecil ini, Kementerian harus mengadakan lebih banyak lagi seminar di seluruh negara supaya lebih ramai lagi pelabur-pelabur tempatan faham, apakah dan bagaimana cara mereka untuk dapat memohon insentif-insentif yang akan diberi untuk menggalakkan menubuhkan industri kecil dan sederhana.

Pada masa ini ada ramai lagi pelabur tempatan masih menunggu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengumumkan senarai industri-industri sederhana dan kecil yang layak mendapatkan galakan taraf perintis.

Saya juga berpendapat selain daripada pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, pihak swasta seperti Dewan-dewan Perniagaan Cina, Melayu dan India patut memainkan peranan yang penting dan mengambil inisiatif untuk menganjurkan seminar-seminar kepada ahli-ahli mereka supaya mereka peka bahawa Kerajaan sedang menggalakkan industri sederhana dan kecil.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga selain daripada apa yang saya sebut tadi, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan masalah membasmikan kemiskinan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia yang Kelima, iaitu saya menyokong usaha-usaha Kerajaan yang telah dijalankan sekarang iaitu Kerajaan memberi sumbangan kepada keluarga-keluarga yang miskin. Dan saya suka menyentuh di Dewan ini iaitu kriteria yang telah digunakan untuk membantu keluarga miskin perlu diperluaskan lagi, ia tidak sahaja ditumpukan di luar bandar dan tidak dinikmati oleh satu kaum sahaja kerana kemiskinan itu berada di mana-mana.

Dalam keadaan sekarang Kerajaan memberi bantuan kepada keluarga-keluarga miskin tanpa mendapat sumbangan tenaga daripada mereka. Oleh itu saya mencadangkan Kerajaan harus merancang satu projek yang sesuai untuk mereka, umpamanya mengadakan latihan kemahiran bagi keluarga-keluarga miskin mengikut kesesuaian. Sebagai contoh saya sedang merancang satu projek latihan bersama—sama dengan seorang pelabur di sebuah kilang kasut yang akan beroperasi di Melaka tidak lama lagi untuk mengadakan kursus kemahiran di dalam menjahit kasut di mana kelak selepas kursus tersebut mereka akan dilantik sebagai pemborong kecil, bagi pihak kilang dan menyiapkan kerja-kerja mereka di rumah di

samping mereka membuat kerja-kerja sendiri. Selepas, itu kerja-kerja yang telah disiapkan akan dihantar ke kilang untuk mendapatkan upah. Ini telahpun diamalkan oleh beberapa buah kilang di Taiwan dan juga lain-lain negeri, dengan cara yang demikian di samping kita membantu keluarga-keluarga miskin negara juga akan mendapat sumbangan tenaga dalam sektor perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada petang ini, saya juga suka mengambil kesempatan ini menyokong ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam pembentangan Usul pada petang semalam dengan menyentuh, "Bahawa pertumbuhan ekonomi yang berterusan bergantung kepada kestabilan politik tanahair. Oleh itu ahli-ahli politik seharusnya berwaspada apabila hendak mengeluarkan kenyataan, kenyataan yang berunsur berbau perkauman patut dielakkan dan sekiranya ada isu-isu perkauman yang timbul, maka haruslah kita mengatasi dengan cara bermesyuarat dan menyelesaikan dengan semangat Barisan Nasional".

Saya suka timbulkan dalam Dewan yang mulia ini iaitu pandangan umum daripada majoriti masyarakat orang Tionghua iaitu majoriti masyarakat orang Tionghua bersetuju dengan nasihat daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana kita mahu negara ini ambil dan kita mahu ekonomi kita terus tumbuh dan ahli-ahli politik khususnya daripada parti pembangkang, iaitu parti DAP mereka tidak semestinya mewakili majoriti masyarakat kaum Tionghua. Jadi pemimpin-pemimpin parti kita dan juga pemimpin-pemimpin Kerajaan kita tidak perlu melayan sebarang tohmahan daripada mereka. Itu adalah pandangan daripada saya dan juga pandangan daripada majoriti masyarakat kaum Tionghua. Sekian Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya dan saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Ainon.

3.58 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini bagi turut bersama-sama membahas, membincang dan menyokong kepada satu Usul yang dibawa ke Dewan ini bagi Dewan Negara, yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan bagi Dewan Rakyat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1936-1990.

Tuan Yang di-Pertua, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program bertujuan untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi, dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 23/89 ini sesungguhnya perlu disokong, dipersetujui dan diluluskan kerana di dalam Rancangan Laporan Kajian ataupun KSP, Rancangan Malaysia Kelima ini telah tercatat perkara-perkara benar yang telah disiasat dan yang telah dianjurkan serta diadakan research, dengan izin, siasatan dan kajian yang terperinci.

Di dalam membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pemimpin yang dikasihi dan yang benar-benar berjiwa rakyat ini, telah menyatakan menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan satu negara yang adil progresif dan kukuh. Ini merupakan satu rayuan yang sangat ikhlas dan yang bererti serta bermakna dan perlu disedari oleh sekalian rakyat jelata dan kemudian mengambil iktibar serta mengamalkannya kerana matlamat pembangunan itu adalah matlamat pembangunan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang stabil dalam jangka panjang. Bagi mencapai matlamat ini, ianya menekankan betapa perlunya setiap daripada kita mengubah sikap dan berusaha, berpandangan positif serta mempunyai keyakinan diri untuk maju. Kerajaan sendiri telah memberikan segala bentuk dorongan ke arah perubahan-perubahan tersebut dan bersikap positif selalu dalam usaha melaksanakannya.

Dalam konteks ini saya merasa syukur dengan ucapan seorang sahabat saya yang baru lalu iaitu seorang Senator dari Melaka yang sebelumnya selalu sahaja membawakan perkara-perkara yang tidak begitu selaras dengan citarasa negara dan juga dengan kepimpinan kepada pemerintah yang ada. Saya menyokong penuh iaitu segala kemajuan ekonomi yang telah kita capai dan yang akan kita capai pasti tidak akan terlaksana kalau tidak ada perpaduan di kalangan rakyatnya. Adalah merupakan satu intisari yang maha penting, bukan

sangat penting, Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang 'maha penting' bahawa segala kestabilan di negara kita ini walau dalam apa aspek pun, ianya berpandu teguh, ianya memerlukan keutuhan dan kemantapan perpaduan semua rakyatnya terutama perpaduan di antara rakyat yang berbilang kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa syukur kepada Allah dan nampaknya sebahagian dari mimpi rakyat jelata telah menjadi kenyataan. Dengan pengurusan ekonomi yang teratur di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Kabinetnya terutama Yang Berhormat Menteri Kewangannya, pertumbuhan keluaran negara telah meningkat kepada kadar yang lebih pesat dalam tempoh yang lebih singkat daripada yang pernah kita duga. Pertumbuhan ekonomi tahun lalu umpamanya telah mencapai kadar yang baik, 8.7% iaitu satu pencapaian yang paling tinggi dalam tahun 1980an. Kedudukan kewangan Kerajaan pada satu ketika yang membebankan, yang banyak menimbulkan kontroversi, yang menjadi senjata kepada parti-parti Pembangkang dan mereka yang anti-nasional. Nampaknya sumber kewangan negara juga telah pulih lebih awal dari yang dijangkakan. Sementara jurang sumber yang menjadi masalah utama sebelum pelancaran RML juga telah dapat diatasi. Setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan dan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai sumber pertumbuhan, punca-punca utama kepada pemulihan ekonomi kita tidaklah dinafikan datangnya daripada perkembangan yang pesat dalam sektor eksport. Selain daripada bahan-bahan mentah yang menjadi bahan utama untuk bahan-bahan eksport kita iaitu getah, bijih timah, minyak kelapa sawit, petroleum, maka tidak juga dinafikan pengeluaran sektor

pertanian moden dan pembuatan memainkan peranan yang penting. Saya menyarankan supaya pengagihan yang adil saksama dapat dikekalkan dan diwujudkan di kalangan rakyat jelata dalam usaha-usaha mereka yang berkecimpung dalam sektor pembuatan dengan tujuan eksport diberikan layanan yang sesuai dan diberikan perhatian yang adil serta saksama. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, berlaku beberapa perkara yang tidak wajar berlaku di mana ada terjadi, bukan keseluruhan, ada terjadi perkara-perkara remeh-temeh, redtape, double-standard dari Kementerian-kementerian yang berkaitan menyebabkan banyak usahawan-usahawan terutama bumiputera yang ingin mendapatkan permit. mengimport barang-barang buatan mereka telah tidak berjaya walaupun ada di antara mereka telah mendapat akuan atau telah menandatangani perjanjian secara peribadi dengan negara-negara luar untuk meng-eksport bahan-bahan perniagaan terutamanya barang-barang pembuatan tetapi telah tidak mendapat restu dan permit dari Kementerian yang berkaitan.

Jadi, demi untuk menstabilkan dan untuk melancarkan lebih pesat lagi rancangan ekonomi kita, Dasar Ekonomi Baru kita, Rancangan Malaysia Kelima kita, maka perkara ini eloklah diambil perhatian. Kita tidak nafikan pada keseluruhannya memang ada kejayaan tetapi tidak juga dinafikan ada beberapa kelemahan-kelemahan lagi yang perlu diperbaiki segera yang mungkin dilakukan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan tanpa disedari oleh boss masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai program menghapus kemiskinan dalam buku Kajian. Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima ini iaitu di mukasurat 17, perenggan 25 yang berbunyi:

"Kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah dapat dikurangkan daripada 49 peratus dalam tahun 1970 kepada paras yang jauh lebih rendah iaitu kira-kira 17 peratus dalam tahun 1987."

Ini satu prestasi yang menggembirakan dan bersyukurlah mereka yang berpendapatan rendah dan yang miskin, kerana dengan kekurangan kadar kemiskinan ini memberikan pertanda yang baik kepada kemajuan perekonomian kita. Cuma, Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelaksanaannya, saya masih merasakan ada beberapa perkara yang perlu juga diberikan titikberat. Kita tahu dasar kita memang secantik-cantik dasar, bukan sahaja bagi negara kita tetapi dipuji oleh negara-negara lain di dunia. Kalau dibandingkan dengan negara-negara rakan sejawat kita atau rakan dialog kita pun, kita memang mempunyai dasar yang begitu cantik, teratur, kemas dan punya potensi-potensi yang dinamik, tetapi pelaksanaan inilah yang perlu dititikberatkan. Umpamanya, dalam memberikan bantuan-bantuan khas, program khas kepada mereka yang diletakkan di bawah kadar kemiskinan, biarlah ianya menyeluruh, biarlah ianya adil, biarlah ianya dapat dinikmati oleh mereka yang benar-benar memerlukan dan yang berhak di atas bantuan tersebut. Saya mintalah kepada Kerajaan melalui Jabatan-jabatan dan melalui Wakil-wakil Rakyat dapat memastikan kelancaran perjalanan kepada program-program khas ini.

Semalam sahabat saya telah membawakan perkara mengenai untung nasib yang menyedihkan di kalangan para pekerja estet dari segi perekonomian, kebajikan dan juga pembangunan sosial mereka. Saya rasa bukan pekerja-pekerja estet sahaja yang masih memerlukan penelitian dan perhatian mereka yang duduk di pendalaman-pendalaman, di kampung-kampung yang jauh di ulu-ulu perlu juga diberikan perhatian, kerana ada perkara yang sama berlaku, bukan di kalangan orang kita berketurunan India atau Cina sahaja, malahan di kalangan bumiputera lebih ramai lagi yang memerlukan penelitian dan yang memerlukan pengendalian dari segi untung nasib mereka yang adil dan saksama. Kita setuju dengan pendapat bahawa semua rakyat berhak menyatakan kesulitan dan berhak meminta Kerajaan memberikan perhatian kepada mereka, tetapi kalau sekadar menyatakan hanya satu kaum sahaja yang tertindih dan tertindas, ianya sama sekali tidak benar. Sebagai sebuah Kerajaan yang adil saya menyeru beri perhatian kepada mereka yang memerlukannya, bukan sahaja di kalangan orang India, orang Cina, tetapi juga di kalangan bumiputera dan janganlah hendaknya ada yang merasakan bahawa hanya kaum mereka sahaja yang tertindas, yang tidak dipedulikan tetapi bumiputera mendapat nikmat yang keseluruhannya, atau dimanjakan kerana ini sama sekali tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai kelancaran pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara yang berkaitan dengan pengangguran. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak nafikan bahawa Malaysia masih lagi menghadapi masalah yang besar dalam hal ehwal pengangguran. Banyak ikhtiar telah dijalankan, kita mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana berbagai-bagai perkara telah di-

laksanakan melalui Kementerian-kementerian, antaranya ialah sektor pertanian yang dikendalikan oleh Kementerian Pertanian. Saya ingin menyarankan terdapat satu trend dalam negara kita ini, terutama oleh anak-anak muda kita - entah di mana silapnya, sama ada mungkin daripada sistem pendidikan atau pelajaran kita yang bermula dari penjajah dahulu - sekarang telah berubah banyak, maka menyebabkan anak-anak rauda kita tidak berkecenderungan, malahan kebanyakannya tidak mahu bekerja di sektor pertanian, perladangan dan juga di sektor pembuatan, terutama pertanian dan perladangan. Saya menyarankan supaya dapat menarik dan menyedarkan mereka bahawa ini juga merupakan satu profesion, satu peluang pekerjaan, maka ada baiknya Kerajaan menganjurkan satu skim atau satu rancangan bagi meninggikan tanggapan dan nilai kepada kerja-kerja atau kepada mereka yang melibatkan diri dalam sektor pertanian dan perladangan.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya - dahulu kalau orang kerja askar (tenteralah maksudnya) sangat dihormati, kalau memintang, seorang tentera dengan seorang guru, maka tentera dipilih dahulu dan kalau guru pula dengan seorang penoreh getah, raaka guru dipilih dahulu, walaupun zaman harga getah mahal, Tuan Yang di-Pertua, penoreh getah pendapatannya 53,000 sebulan, cikgu sekolah masa itu lebih kurang S450 sebulan. Tetapi nilai, Tuan Yang di-Pertua, mereka menilai guru itu satu profession yang tinggi dan mulia, mereka menilai tentera itu satu kerja yang tinggi dan mulia. Tetapi kalau jadi penoreh getah, apatah lagi kalau jadi pak tani, abang tani, adik tani atau mereka kerja di ladang, itu merupakan satu nilai yang rendah. Mengapa tidak, Kerajaan dan Negara, mass media

menjalankan usaha supaya memandang tinggi dan meninggikan nilai atau perlu barangkali kita jadinya ianya satu budaya - maka kita adakan nilai seorang penoreh getah itu lebih nilainya tinggi sama dengan seorang lecturer umpamanya, seorang guru umpamanya, atau seorang kerani umpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, office boy kalau meminang dengan seorang yang bekerja di sawah, Office Boy dahulu dapat tempat dari segi peminangan atau dari segi pemilihan boyfriend umpamanya. Ini akan terlebih dahulu pada hal pendapatan seorang Office Boy lebih rendah daripada pendapatan seorang petani yang mungkin boleh mendapat ribuan setiap bulan. Lagi sekali saya menekankan dari masalah nilai, mungkin ianya boleh diserapkan dalam pendidikan supaya sesiapa yang bertani merasa bangga kerjanya sebagai petani, kalau dia pekerja ladang merasa bangga bahawa ia seorang pekerja ladang dan kalau ia seorang pekerja kilang, bangga bahawa ia seorang pekerja kilang.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi status pekerja kilang lebih tinggi nilainya daripada petani dan daripada peladang di negara kita di negara luar, di Amerika umpamanya - pernah kita melawat - dan di negara-negara Europe yang lain, peladang ataupun petani mendapat nilai yang lebih tinggi daripada pekerja-pekerja Kerajaan atau pekerja-pekerja swasta. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bagi mengurangkan pengangguran, antara aspek-aspek yang menyebabkan pengangguran berlanjutan ialah memilih kerja. Jadi, dengan adanya peninggian nilai ini, saya percaya anak-anak muda kita yang berpelajaran, sama ada yang berpelajaran tinggi, berpelajaran sederhana, berpelajaran rendah, akan berebut-rebut untuk mengerjakan

sawah ladangnya dan untuk masuk dalam sektor pertanian kerana ia tahu itu adalah bernilai. Maka terpulanglah kewajipan ini kepada Kerajaan dan rakyat, terutamanya kepada pendidikan kita, mass media kita untuk melancarkannya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai pendidikan, kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Pendidikan Malaysia yang telah membawa banyak perubahan dengan berani dan ikhlas menyatakan pendirian Kerajaan dan Dasar Negara dalam hal yang berkenaan, kita memang akui bahawa pendidikan juga mengambil peranan penting dalam meninggikan perekonomian negara.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dilanda lagi oleh satu cabaran yang agak hebat juga yang ada juga sedikit sebanyak menjejaskan imej negara kita, iaitu apabila pihak GMC, United Kingdom (Majlis Perubatan Am, United Kingdom) telah menarik balik pengiktirafan iaitu pengiktirafan bagi ijazah perubatan Universiti Malaya di mana Universiti Malayalah yang telah mendapat pengiktirafan penuh daripada GMC, iaitu satu-satunya Universiti yang mendapat pengiktirafan itu sebelumnya di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan pendapat cendakawan (maaf, bukan cendawan) - ertinya kaum cerdek pandai negara kita, bahawa tindakan yang dibuat oleh GMC itu tidak menjejaskan dari segi prestasi kepada Fakulti Perubatan Universiti Malaysia kita. Saya juga bersetuju, tetapi ada baiknya dikaji siasat bagaimana keadaan ini berlaku, ianya merupakan satu cabaran kepada kita, apakah ada politikingnya atau memang benar kita perlu mengkaji, menyelidiki mengenai fakulti berkenaan, mungkin kerana kekurangan bahan-bahan

atau. kekurangan pelatih-pelatih yang terhandal atau oleh kerana persediaan yang tidak lengkap maka menyebabkan pihak GMC merasakan fakulti itu tidak perlu lagi diberi pengiktirafan kerana kemerosotannya dan kita tidak boleh membenarkan mana-mana pihak pun dalam pertikaian fakulti kita itu semata-mata kerana bahasa pengantar bagi fakulti berkenaan untuk dua tahun pertama, atau untuk penggal dua tahun, dalam Bahasa Malaysia. Kita tidak boleh menerima alasan ini, kerana Bahasa Malaysia juga mampu menjadi bahasa ilmu. Yang penting barangkali diberikan perhatian berat ialah sikap mahasiswa atau siswazah-siswazah kita yang di dalam fakulti berkenaan. Tidak ada masalah dari segi pengantar bahasa, Tuan Yang di-Pertua, sebab di negara-negara lain pun fakulti-fakultinya ada menggunakan bahasa mereka, tidak semuanya dalam bahasa Inggeris, tetapi mereka boleh mencapai tahap kelulusan dan kemampuan yang tinggi.

Saya rasa ini satu cabaran yang mungkin, kata orang, dengan izin, 'blessing in disguise' kerana dengan ini kita boleh mengkaji kembali keleraahail-kelemahan kita, kesilapan-kesilapan kita terutama dalam soal-soal pentadbiran dan dalam soal-soal pengemaskinian fakulti yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Awang Had Salleh iaitu Penasihat kepada Kementerian Pendidikan telah menyatakan pendapatnya mengenai perkara yang berkaitan. Menurut beliau Universiti Malaya masih boleh mengundang pemeriksa dari luar negara untuk menilai mutu pencapaiannya seperti yang dilakukan selama ini bagi memastikan universiti ini mengekalkan mutu pengajian yang tinggi. Beliau mensifatkan pengiktirafan GMC tidak begitu penting sekiranya UM sendiri meyakini mutu pengajiannya searaf dengan universiti lain di dunia yang diiktiraf sepenuhnya oleh GMC. Satu pandangan yang positif dan baik diambil perhatian. Ianya keluar dalam suratkhbar Berita Harian pada 4hb Julai, 1989.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang ibu, saya juga mengharapkan Menteri Pendidikan yang bijaksana akan segera dapat mengatasi masalah ini dan akan dapat memenuhi keperluan di peringkat antarabangsa, di peringkat negara mengenai imej dan juga kemampuan Fakulti Perubatan yang memang sangat penting bagi negara kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin menyentuh sedikit pendidikan ini mengenai isu dadah di sekolah-sekolah, ia juga merupakan ada kaitannya dengan perkembangan sosio ekonomi negara. Menteri Pendidikan pernah menyarankan bahawa terdapat lebih kurang 20,000 pelajar-pelajar di

sekolah menengah dan di sekolah tinggi yang terlibat dalam dadah pada keseluruhannya. Saya mengucapkan syabas kepada Menteri berkenaan kerana berterus-terang dalam masalah yang menyentuh kepada kestabilan sosial di negara kita ini dan juga keselamatan negara ini. Kalau mungkin Menteri yang ingin mencari populariti, dia tidak mahu cakap ini. Tuan Yang di-Pertua, sebab ini akan menjadi boomerang kepada Kementerian beliau. 20,000 orang itu bukanlah dalatn, tahun 1989 tetapi keseluruhannya, bermakna beliau menyedari keadaan-keadaan ini dan berikhtiar mencari jalan mengatasinya dan ianya tidak boleh diatasi oleh pihak Kementerian sahaja. Sekolah-sekolah juga kena memainkan peranan penting, termasuklah persatuan ibubapa dan ibubapa murid-murid itu sendiri, Yang saya bimbangkan ialah masalah dadah akan menjurus kepada masalah AIDS. Negara kita dikatakan bersih daripada wabak AIDS. Saya kurang yakin sebab dalatn kajian yang dibuat dan di dalam penerangan penjelasan pakar-pakar yang berkaitan dengan dadah bahawa selepas dadah datang AIDS, sama juga daripada kaki pergi ke kepala, ada kaki ada kepala, kerana mereka yang menghisap dadah ini tidak akan terkecuali akan dapat atau akan mengidap penyakit AIDS yang walaupun sumber permulaan wabak ini datangnya daripada hubungan jenis dan darah.

Saya menyarankan supaya hal ehwal yang mengenai AIDS ini diberikan penjelasan dalam ko-kurikulum di sekolah-sekolah supaya murid-murid sekolah, kalau tidak sesuai rendah, di menengah dan di tinggi, siang-siang dapat mengetahui, dapat mengasingkan diri, dapat membentengkan diri daripada terjebak dalam dadah dan kemudiannya mungkin pergi kepada AIDS, Setiap penagih dadah menggunakan suntikan-suntikan jarum yang berkuman. Jarum-jarum berkuman ini

juga satu pengembangan kepada kuman AIDS. Selain daripada mereka setelah tidak siuman melakukan segala perkara yang kemungkinan besar hubungan sama-sama sejenis atau hubungan rambang jenis dengan jenis dan lain-lain dan ini mengakibatkan AIDS. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya AIDS ini segera diberi perhatian melalui sekolah-sekolah dan institusi tinggi selain daripada pihak Kerajaan di Kementerian Kesihatan atau Kementerian Penerangan menjalankan; usaha-usaha untuk membenteng rakyat daripada terjebak di dalam wabak yang boleh dikatakan barang dijauhkan Allah dari berlakunya di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga mengenai kejadian liar di sekolah. Seorang sahabat saya semalam bangun bercakap meminta barangkali ada baiknya Kementerian Pendidikan mengadakan jaga-jaga untuk menentukan keselamatan murid-murid. Disebut di situ "murid-murid", tetapi biasanya yang kena ceroboh yang kena cabul, yang kena rogol ialah perempuan, Tuan Yang di-Pertua. Belum pula pernah kejadian murid laki-laki dicabul - belum, dan belum pula ada kejadian .orang laki-laki dirogol. Jadi kebanyakannya perempuan, jantina saya. Sebab itu kami berasa ragu dan bimbang kerana kejadian derai kejadian berlaku dan nampaknya ada pertambahan-pertambahan walaupun belum sangat buruk, tetapi apa salahnya kita menggunakan pepatah orang tua-tua: kita beringat sebelum kena; jangan sudah terantuk baru terngadah. Saya menyarankan Kementerian ambillah perhatian berat kepada keliaran murid-murid, kepada perkara-perkara sumbang yang mula berkembang di sekolah-sekolah, bukan sahaja dalam bandar tetapi juga sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dalam menyokong

KSP Rancangan Malaysia Kelima ini iaitu mengenai peranan kesatuan sekerja kerana mereka mempunyai peranan penting dalam pengembangan ekonomi. Mereka 100% dan dikenalpasti sebagai pekerja-pekerja atau jentera-jentera kepada pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara. Saya rasa syukur kerana baru-baru ini telah tertubuh kesatuan sekerja yang kedua, sebelumnya keatuan sekerja MTUC 'atau' Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia Presidennya Encik Zainal Rampak dan kemudian atas kesedaran yang mendalam, mungkin setelah mendapati MTUC selalu sahaja berpolitik, maka satu persatuan lain, MLO telah ditubuhkan yang dianggotai oleh 15 kesatuan-kesatuan sekerja yang ahlinya diberitakan seramai 140,000 orang. Saya menaruh harapan penuh semoga MLO benar-benar akan memperjuangkan hanya masalah-masalah pekerja, kebajikan pekerja, keuntungan pekerja, bukan menjadikannya platform politik seperti MTUC dan diguna, ditonggang oleh pemimpin-pemimpin yang tertentu untuk kepentingan diri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya harapkan pihak media akan memetik, ucapan saya bahagian ini kerana saya ingin menyampaikan ucapan syabas, harapan yang tinggi kepada MLO menjadi kesatuan sekerja benar-benar perabelah kepada pekerja-pekerja dan menganggap Kerajaan sebagai sahabat bukannya musuh, sebagaimana pernah berlaku

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak lengkap hujah-hujah dan sebelumnya.

ucapan saya kalau saya tidak menyentuh mengenai jenayah kolar puteh.....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya mohon maaf sebentar untuk membuat satu pengumuman.

Puan Ainon binti Ariffin: Baik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti boleh disambung semula.

Puan Ainon binti Ariffin: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3) dengan sukacitanya saya menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim untuk menguruskan Majlis Mesyuarat kita pada petang ini menggantikan saya. Dipersilakan.

[Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim **menguruskan Mesyuarat**]

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Teruskan.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung hujah saya. Ucapan tahniah saya kepada rakan saya yang menjadi Yang di-Pertua untuk session-ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai jenayah kolar pucih dalam turut membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990. Kita telah mendengar kejadian-kejadian kolar putih, semua orang maklum apa yang dimaksudkan kolar putih ertinya di kalangan pegawai-pegawai tinggi' yang bertugas memakai tie dan baju kemeja yang cantik, segar dan kebanyakannya putih, memakai overcoat atau lounge suit yang kelihatan gagah perkasa dan handsome semua. Kita dapati akhir-akhir ini terlalu banyak kejadian-kejadian jenayah, kejadian songlap, kejadian tipu, kejadian rasuah, putar belit yang dilakukan oleh mereka yang berkenaan terutamanya peristiwa-peristiwa yang baru berlaku di bank-bank yang saya rasa semua pihak faham dan tahu kerana telah pun didedahkan kepada masyarakat dan rakyat umum. Mungkin juga mereka jadi begini kerana pengaruh-pengaruh kewangan, kerana terlalu materialistik. Walaupun banyak ada etika, ada banyak garis panduan, ada banyak tata susila yang telah ditentukan melalui Akta-akta Kerja dan lain-lain tetapi kerana desakan ingin sentiasa smart, senang lenang, mewah muntah, maka mereka ini sanggup melakukan kerja-kerja yang dikutuk bukan sahaja oleh agama tetapi oleh undang-undang dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1987 kejadian jenayah kolar putih ini mencapai tahap yang kritikal, ini mengikut laporan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dan yang dibuat kajian oleh pihak-pihak media. Banyak wang yang telah lesap, berjuta-juta ringgit umpamanya kita baru sahaja dengar cerita bagaimana daripada Bank Negara \$22.2 juta lesap yang dikendalikan oleh seorang Kerani dan seorang Lawyer sahaja. Dan kesalahan-kesalahan itu mengikut hukumannya di negara kita yang paling maksima, paling tinggi atau paling penuh hukuman atau dendanya ialah sebanyak \$50,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan hukuman dengan jenayah yang dilakukan tidak setimpal sama sekali, dilesapkan juta-juta, didenda \$50,000. Ini memberikan daya tarikan kepada mereka yang hendak membuatnya, sebab kalau dia boleh simpan di Batik Switzerland di Geneva, di London, Australia, juta-juta dia serah diri, denda \$50,000 sahaja. Lepas itu orang kaya besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan Akta ini perlu dipinda dan perlu diperketatkan lagi. Saya mengharapkan perkara ini akan diberi perhatian oleh Kementerian Kehakiman. Apabila hukumannya tidak setimpal, ini tidak menggerunkan mereka yang hendak melakukannya, 'kacang' sahaja, apa ada benda. Sekarang ini pula melakukan jenayah sudah tidak lagi menimbulkan rasa malu. Contoh yang berkenaan apabila TV fokus dia, dia senyum, dia posing kata orang, dia posing, dia senyum. Dia lambai-lambai pula lagi. Dan kebanyakan mereka yang melakukan jenayah-jenayah bukan sahaja kolar putih, yang kolar hitam, kolar biru pun merasakan itu perkara satu trend biasa, tidak ada rasa penghinaan lagi. Setiap orang akan rasa senang berkawan

dengan orang. yang pernah melakukan jenayah besar. Tidak ada masalah, tidak malu. Kalau dahulu malu muka tebal. Ini juga datangnya dari nilai.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang masyarakat kita tidak lagi memandang hina, rendah kepada yang melakukan kejahatan atau yang melakukan jenayah, "Nilai". Jadi, mereka ini merasakan malu pun tidak ada lagi, rasa terhina pun tidak ada lagi, rasa tersisih pun jauh sekali maka dengan mudah mereka akan terdorong melakukan jenayah-jenayah yang berbentuk kolar putih atau kolar biru.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Menteri Kewangan, Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin, beliau telah memberikan satu kenyataan bahawa jenayah kolar putih semakin meningkat iaitu terdapat 580 kes yang membabitkan \$52 juta dilaporkan kepada Bank Negara pada tahun 1987 dari bulan Januari hingga Mei, dalam lima, enam bulan sahaja-itu. Kemudian penyelewengan dalam koperasi dan juga dalam pengambilan deposit di Bank Kerjasama yang juta turut mengancam kestabilan negara yang kita baru sahaja puji tadi sedang bertumbuh, berkembang, bertunas menuju ke arah kecemerlangannya. Ini boleh menjejaskan atau menghalang pertumbuhan ekonomi kita. Dan kemudian mengikut laporan polis pula, 10,785 kes jenayah kolar putih yang membabitkan \$467 juta telah berlaku pada tahun 1987 dari Januari hingga Mei iaitu tahun yang paling kritikal mengenai jenayah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan supaya perkara ini dapat dicegah, supaya perkara ini dapat diatasi maka langkah-langkah untuk pindaan Rang Undang-undang Bank dan Institusi Kewangan 1989 amat wajar dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, terakhir saya ingin menyentuh Al-Arqam yang juga ada kaitannya dengan jejasan perkembangan ekonomi negara. Saya telah berkali-kali bawa ke Dewan ini mengenai gejala buruk akibat buruk termasuk masalah ekonomi, akhlak, penindasan, penipuan dan juga pemonopolian serta penganiayaan yang dilakukan oleh orang-orang tertentu yang menjadi pemimpin-pemimpin tertinggi. Saya tepatkan pemimpin tertinggi Al-Arqam'.

Tan Sri Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahan dapat Tan Sri [Ketawa] penulis yang saya minati, Dato' Professor Haji Shahnnon Ahmad telah menulis dalam Mingguan Wanita. Syabas Mingguan Wanita makin lama semakin meningkat prestasi pengeluaran dan juga isi kandungan. Beliau telah menulis dengan jelas dan terang mengenai perkara-perkara yang dibawa, yang merupakan gejala dan akibat oleh pemimpin Al-Arqam. Sangat jelas dan terang cerita-cerita yang telah dipaparkannya. Antaranya bagaimana orang-orang berkenaan ini telah menggunakan agama lalu mengeksploitasikannya untuk kepuasan nafsu mereka terutama dalam meramaikan isteri-isteri dan menindas wanita-wanita menjadi abdi-abdi atau gundek-gundek secara yang dikatakan halal tetapi melalui secara haram menyelewengkan agama yang mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di luar-luar negeri, di negara Thailand dan lain-lain.

Ada satu pertanyaan telah ditanyakan di Dewan ini oleh mereka yang macam sayalah, runsing, risau, bimbang. Kita ada anak perempuan, ada cucu pun perempuan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam Dewan ini pernah ditanyakan daripada pertanyaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Mohamed bin Abdullah, maksud saya dalam/Dewan Rakyat. Jawapan Menteri kita ialah dia kata tidak begitu berat masalah ini kerana kata dia terdapat kumpulan kecil pelajar-pelajar kita yang menuntut di luar negeri sahaja yang terlibat. Kemudian dijawab juga mengatakan bahawa di Thailand dan di Singapura, pertubuhan ini tidaklah begitu mengecewakan. Umpamanya di Thailand katanya tidak, ada kaitan dengan Malaysia.

Sebenarnya mungkin jawapan ini jawapan yang tidak mahu menimbulkan keraguan, kebimbangan di kalangan rakyat mengenai kegiatan mereka ini. Tetapi sebenarnya perkara yang mereka telah jalankan perkara yang mereka telah lancarkan sudah agak kronik. Bagaimana dengan eksploitasi di kalangan hak-hak wanita? Baiklah kalau ini juga dipandang kecil, bagaimana pula dengan penyelewengan dari ajaran akidah Islam itu sendiri, bagaimana? Apakah kita merasakan perkara ini tidak berat, tidak perlu diambil perhatian dan ianya boleh dibandang ringan sahaja, sedangkan ianya merupakan pegangan, keyakinan, kepercayaan. Kalau seseorang rakyat itu kepercayaan dan keyakinannya sudah menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenarnya dan mereka sudah tidak lagi mengikut lunas-lunas Islam, maka sudah tentu ada jejasannya kepada perkembangan masyarakat keliling. Apabila ada perkembangan masyarakat keliling yang terjejas dengan ajaran yang demikian, ia juga boleh menjejaskan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi. Katalah mereka ini tidak begitu memberatkan masalah ekonomi dan lebih mementingkan ajaran-ajaran yang berbentuk taksu,

fanatik dan kemudian kebanyakannya ikut tok guru, taat setia yang boleh dikatakan membabi-butakan sahaja. Apa akan jadi kalau kumpulan ini kian besar dan besar?

Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada apa yang telah didedahkan oleh Professor Shahnun Ahmad di dalam Mingguan Wanita yang saya ada salinannya di sini. Saya tidak dapat memanjangkan mukadimah ini tetapi saya memohon kepada Kerajaan terutama Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri, berilah perhatian berat kepada pendedahan, kepada rayuan, kepada kegelisahan dan permintaan untuk menyekat mereka iai daripada berkembang membuat sesuatu yang boleh mendatangkan pulangan yang tidak baik kepada agaraa, kepada masyarakat dan kepada negara. Dan jangganlah selalu dipandang ringan perkara-perkara begini dan apabila besok mencetuskan sesuatu yang besar yang menjejaskan kestabilan maka barulah hendak bertindak. Kita pernah melalui peristiwa-peristiwa demikian. Satu daripadanya yang masih pahit untuk dikenang ialah Peristiwa Memali.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhirilah ucapan saya bagi menyokong dan menyetujui di atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang dibawa ke Dewan ini. Sekian.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat.

4.44 ptg.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong dan membahaskan satu usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini di mana membentangkan satu Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990. Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanaka sejak tahun 1971 telah menunjukkan kemajuan dalam mencapai matlamat pembasmian kemiskinan..

Dalam menyentuh pertanian, peruntukan asal bagi pembasmian kemiskinan dalam Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak \$15.8 juta dan dikurangkan kepada \$13.7 ribu juta peruntukan pembangunan pertanian masih merupakan 56% dari jumlah peruntukan pembasmian kemiskinan keseluruhannya. Apa yang ingin ditekankan di Dewan yang mulia ini bahawa peruntukan-peruntukan bermula dari Rancangan Malaysia Pertama hingga Rancangan Malaysia Kelima. Sektor pertanian adalah mendapat peruntukan yang agak lebih, ini bagi membolehkan sektor ini menguruskan bekalan-bekalan perparitan dan tali air untuk pengaliran air ke sawah-sawah padi khususnya di mana beras adalah makanan utama negara dan sehingga sekarang beraa juga merupakan tukaran wang asing yang agak besar.

Soalnya apakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan hampir 20 tahun di segi perparitan dan sektor yang termasuk tanah-tanah juga banyak terbiar dan apakah kita akan terus mengimport beraa sedangkan Kementerian Pertanian boleh mengambil satu langkah yang positif dengan membuka peluang kepada pihak swasta untuk mengambil bahagian sama dalam mengusahakan kilang-kilang padi misalnya dengan memperuntukkan kuota-kuota kepada pengilang-pengilang tersebut di mana keupayaan dan keluasan ladang yang boleh diusahakan oleh pengilang-pengilang yang berkenaan seperti apa yang dilakukan oleh pihak Lembaga Tembakau Negara tanpa mengira di mana kilang itu dibangunkan pokoknya dari kuota-kuota yang dikeluarkan itu pihak Kementean Pertanian atau LPN agensi yang terlibat secara total dapat menentukan banyak mana pengeluaran setiap tahun diperlukan. Dan akan terus mengusahakan meneroka kawasan-kawasan baru dan dengan cara yang sama penglibatan swasta di bidang ini bukan sahaja dapat menjamin pengeluaran yang dikehendaki kerana pengilang-pengilang akan dengan sendirinya berlumba-lumba membuka kawasan tanaman baru bagi padi

khususnya, malah akan sekaligus membuka peluang-peluang pekerjaan dan tidak ketinggalan pula hasil sampingan yang tidak kurang pentingnya untuk bahan makanan ternakan yang kita juga sedia maklum bahan ini juga diimport untuk tujuan makanan ternakan.

Menyedari hakikat makanan utama ini perlu dikeluarkan sendiri oleh negara maka kita mengkaji semula rancangan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima sampailah masanya tumpuan diberi ke arah mengubahsuai aturan dan peraturan yang raenyekat usaha-usaha ke arah ini dan memberi tumpuan ke arah ke dalam negeri serta mengurangkan pegawai-pegawai keluar negeri hanya untuk meninjau mengkaji dan membeli beras dan bijian-bijian lain di negara-negara luar. Malahan peruntukan itu disumbangkait ke arah pelaksanaan program raksasa di mana sektor pertanian mengawal dan memastikan makanan cukup untuk keperluan negara. Naik turun nilai ringgit kita apa pun akan corak inflasi berlaku yang akan melanda kita sudah bersedia dan mampu untuk berdikari dalam menentukan cukup makanan negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng.

4.50 ptg.

Dr. Tan Chong Kheng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kerana saya diberi peluang untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan untuk menyokong usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima.

Adalah termaklum bahawa kemelesetan ekonomi antarabangsa dan juga di dalam aegara kita ini telah menjadi satu halangan utama kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun, dengan Langkah-langkah penyesuaian yang lebih ketat lagi untuk memulihkan ekonomi dan memastikan pertumbuhan yang stabil dan berterusan, Kerajaan kita telah berjaya dalam usaha mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi sehingga KDNK telah meningkat sampai kepada kadar 8.7% sementara sektor swasta pula telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan dalam tahun 1988.

Oleh kerana itu saya ingin menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, tetapi saya rasa adalah tugas saya untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap beberapa aspek Kerajaan kita supaya usaha dan tindakan memperbaiki dan mempertingkatkan pengurusan dan perkhidmatan dapat dijalankan demi faedah rakyat jelata negara ini.

Saya berpendapat bahawa pendidikan sebagai satu bahagian perkhidmatan sosial adalah satu bahagian yang penting sekali di dalam negara ini, kerana pendidikan adalah bahagian yang mengeluarkan tenaga manusia sebagai pemimpin-pemimpin baru bagi masa depan negara kita. Oleh kerana itu, saya akan menumpukan ucapan saya pada aspek-aspek pendidikan yang saya rasa ada kelemahan-kelemahan di mana Kerajaan kita perlu memberi perhatian dan perlu mengambil tindakan yang sesuai untuk membetulkan keadaan.

Baru-baru ini seperti yang telah disebutkan oleh rakan saya Senator Puan Ainon Arifin iaitu Majlis Perubatan England (UK) telah menolak pengiktirafan ijazah perubatan daripada Universiti Malaya. Perkara ini adalah membimbangkan pelajar-pelajar perubatan kerana mereka tentu akan menghadapi masalah apabila mereka cuba melanjutkan latihan perubatan mereka ke peringkat pakar.

Pada asasnya rakyat kita akan bertanya adakah pengumuman Majlis Perubatan England itu bermaksud standard pelajaran perubatan yang diberikan kepada pelajar-pelajar di Universiti Malaya itu telah pun jatuh berbanding dengan masa dahulu? Kalau begitu, adakah pengumuman itu bermaksud standard itu sudah jatuh kerana ada kelemahan-kelemahan dalam sistem pengajaran perubatan dalam universiti tersebut dari segi seperti tenaga pengajar, peralatan, kualiti pelajar yang memasuki fakulti perubatan, cara latihan praktikal yang dijalankan dan lain-lain faktor yang menyumbang ke arah pendidikan doktor perubatan yang sempurna?

Saya yakin bahawa jika fakulti perubatan memenuhi syarat-syarat keperluan untuk pengiktirafan Majlis Perubatan England, tentu tidak akan menjadi masalah untuk ijazah perubatan Universiti Malaya diiktirafkan semula. Oleh kerana itu, saya ingin merayu kepada Menteri Pendidikan supaya menjalankan siasatan yang mendalam untuk mengkaji apakah yang sebenarnya berlaku yang menyebabkan Majlis Perubatan England itu menolak pengiktirafan ijazah perubatan Universiti Malaya baru-baru ini.

Dalam dua tahun yang kebelakangan ini pula siswazah dengan kelulusan Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan telah didapati menganggur kerana tidak mendapat perjawatan dalam sektor Kerajaan ataupun dalam sektor swasta. Mereka yang meminta menjadi guru pula tidak

mendapat jawatan kerana Kementerian Pendidikan sudahpun mengatakan ada kelebihan guru sains di kalangan guru-guru sekolah,- Tetapi baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan telahpun membuat pengumuman bahawa Kementriannya akan mengambil guru-guru sains, terutama sekali guru-guru dengan kelayakan ijazah. Oleh kerana itu, ramai siswazah dengan kelayakan sains telah mula membuat permohonan kepada Kementeriannya. Tetapi malangnya Kementeriannya hanya menghantarkan surat notis dan borang-borang permohonan yang baru untuk siswazah-siswazah yang pernah memohon jawatan tersebut dalatn tahun-tahun yang lepas. Apa yang berlaku kepada sebilangan besar graduan lepasan sains yang tidak membuat permohonahn di masa lalu, mereka itu tidak mendapat tahu bilakah tarikh tutup untuk permohonan itu.

Oleh sebab itu, selepas 15hb Jun, 1989, mereka pun tidak-dapat membuat permohonan cuba menjadi gugu-guru sains di sekolah pula. Oleh kerana itu, saya ingin merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya melonggarkan tarikh tutup itu supaya suatu iklan boleh dikeluarkan dalam suratkhbar supaya semua siswazah dengan kelayakan Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan diberi suatu peluang untuk membuat permohonan secara formal kepada Kementerian Pendidikan supaya mereka boleh dapat suatu peluang menjadi guru sains setelah kekosongan guru sains telahpun sedia ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Jabatan Pendidikan Pulau Pinang telahpun menjalankan proses kenaikan pangkat bagi guru-guru sekolah. Walaupun perlantikan kepada jawatan-jawatan seperti Guru Besar, Penolong Kanan I, Penolong Kanan II, Penyelia Petang dan Penolong Kanan Ko-kurikulum itu semua dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sebenarnya secara formal, tetapi cadangan calon adalah dibuat daripada Jabatan Pendidikan Negeri berasaskan

penilaian prestasi guru oleh Guru Besar dan juga prestasi yang didapati di dalam temuduga yang dijalankan oleh Panel Penilaian oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Akan tetapi suatu perkara yang tidak dapat diberikan penjelasan yang memuaskan oleh Jabatan Pendidikan Pulau Pinang adalah bahawa di antara lebih daripada 300 orang guru yang membuat permohonan kenaikan pangkat daripada kawasan Seberang Prai Tengah dan Utara tidak ada seorang pun yang telah mendapat kenaikan pangkat - Tuan Yang di-Pertua, tidak ada seorang pun di antara 300 orang itu mendapat peluang kenaikan pangkat.

Penjelasan yang diberikan oleh Jabatan Pendidikan Pulau Pinang ialah bahawa laporan prestasi oleh Guru Besar menunjukkan markah yang rendah bagi semua guru di kawasan-kawasan tersebut. Tambahan pula guru-guru itu pun tidak mendapat markah yang cukup tinggi bagi sesi temuduga. Oleh itu, jumlah markah penilaian bagi semua guru-guru kawasan itu adalah lebih rendah apabila dibandingkan dengan yang diperolehi oleh guru-guru kawasan lain dan terutama sekali bila dibandingkan dengan guru-guru pulau Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bolehkah penjelasan itu diterima? Saya rasa tidak boleh diterima oleh kerana perkara itu tidak mengikut logik. Kita tidak boleh katakan bahawa di antara 300 orang guru yang memohon kenaikan pangkat daripada satu kawasan tertentu itu, di antara mereka tidak ada seorang pun yang boleh memperolehi prestasi yang memuaskan, yang boleh melayakkan mereka untuk jawatan kenaikan pangkat. Dan saya rasa soal ini bukanlah suatu soal perkauman kerana di antara 300 orang guru yang terlibat itu kebanyakannya datang daripada Sekolah Rendah Kebangsaan dengan sebahagian besar juga datang daripada Sekolah rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan yang bakinya daripada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Oleh kerana itu, soal perkauman itu tidak masuk dalam masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, keberatan Laporan Penilaian Prestasi Guru oleh Guru Besar diberikan keberatan 70% apabila penilaian secara temuduga diberikan keberatan 30% untuk mencari jumlah markah penilaian guru-guru masing-masing.

Satu perkara yang diakui oleh Jabatan Pendidikan Pulau Pinang adalah bahawa markah-markah penilaian oleh Guru Besar-Guru Besar Seberang Perai Utara dan Tengah adalah pada puratanya semua lebih rendah daripada yang diperolehi oleh guru-guru kawasan lain. Tetapi walaupun Jabatan Pendidikan Pulau Pinang sedar bahawa ini sudah berlaku tidak ada langkah seperti dikatakan, dengan izin, *statistical normalization* dilakukan sebelum perbandingan prestasi dibuat untuk guru-guru seluruh negeri Pulau Pinang. Langkah *statistical normalization* itu adalah penting apabila kita cuba membandingkan skor-skor yang didapati daripada kumpulan-kumpulan data yang puncanya adalah berbeza dan puratanya adalah berbeza, dan medium serta motivasinya seraya berbeza. Jikalau normalisasi statistik itu tidak dibuat sebelum perbandingan dibuat, perbandingan itu adalah tidak sah dan saya rasa pakar-pakar penilaian di Kementerian Pendidikan senrta tahu berkenaan dengan fakta ini tetapi tidak mahu melakukan langkah ini untuk mendapatkan satu perbandingan prestasi guru-guru yang lebih adil dan lebih sah. Berasaskan perbandingan prestasi guru-guru yang tidak sah itu Jabatan Pendidikan Pulau Pinang sudah meluluskan kenaikan pangkat

kepada guru-guru terutamanya guru-guru dari pulau, Pulau Pinang. Dan kita dapati bahawa di antara guru-guru yang mendapat kenaikan pangkatnya itu ada di antara mereka yang mempunyai prestasi mengajar, prestasi pentadbiran yang sangat leraah tetapi sudahpun berjaya mendapat kenaikan pangkat menjadi Penolong Kanan I atau II dan sebagainya. Oleh kerana itu saya ingin merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya menjalankan satu penyiasatan yang lebih mendalam dan kalau boleh mengambil tindakan-tindakan yang boleh membetulkan situasi yang tidak memuaskan untuk guru-guru sekolah khasnya bagi bahagian sekolah-sekolah kawasan Seberang Perai Utara dan Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin timbulkan lagi satu masalah yang baru berlaku di Pulau Pinang juga. Kabinet negara kita telah membuat keputusan supaya jawatan Penolong Kanan Ko-Kurikulum Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina perlu diisikan dengan guru yang sesuai iaitu guru yang mempunyai pengetahuan bahasa Cina tetapi tidak mempunyai kelayakan bahasa Cina secara peperiksaan seperti SRP atau SPM. Yang sesuai itu maksudnya mereka ini mesti mempunyai sekurang-kurangnya pengetahuan bahasa Cina iaitu boleh bercakap ataupun faham percakapan dalam bahasa Cina. Dalam proses kenaikan pangkat guru yang baru dilakukan oleh Jabatan Pendidikan Pulau Pinang ini, bagi tahun ini, malangnya didapati di antara 12 jawatan Penolong Kanan Ko-Kurikulum yang diisi, 8 adalah diisikan dengan guru yang tidak langsung mempunyai pengetahuan bahasa Cina. Ini adalah bercanggah dengan persetujuan yang sudah dicapai pada peringkat Kabinet. Adakah didapati persetujuan Kabinet ini tidak disampaikan secara terperinci melalui surat pekeliling kepada Jabatan-jabatan

Pendidikan Negeri ataupun ada pegawai-pegawai Pejabat Pendidikan yang tidak mahu mengikut persetujuan atau arahan itu. Saya rasa Kementerian Pendidikan perlu menjalankan siasatan untuk memberikan gambaran yang sebetulnya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pihak MARA telah membuat pengumuman bahawa dengan adanya banyak kampus Institut Teknologi MARA dan Maktab Rendah Sains MARA di kebanyakan negeri, MARA ber-cadang mula mengambil pelajar-pelajar asing terutama sekali yang datangnya daripada negara-negara ASEAN untuk memupuk persefahaman dan perpaduan belia dari rantau ini.

Saya ingin menyokong tujuan itu tetapi saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap jawapan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan kepada Yang Berhormat Senator C. Krishnan pada hari kelmarin apabila dia tanya dan apabila dia minta Menteri Pendidikan menyatakan sama. adakah dia bercadang untuk mengamalkan cadangan yang dikemukakan oleh Penasihat Kementeriannya, Tan Sri Awang Had Salleh supaya Kolej TAR dan MARA hendaklah menggalakkan para penuntut berbilang kaum kerana ini akan menguatkan perpaduan di kalangan rakyat kita. Pada hal jawapannya sudah menunjukkan bahawa Kementerian tidak berhasrat untuk membuka pintu Maktab MARA dan MRSM kepada belia berbilang kaum. Soalan saya, kalau MARA tidak membuka pintunya kepada rakyat Malaysia berbilang kaum, adakah perpaduan di antara kaum-kaum dalam negara kita tidak begitu penting apabila dibandingkan dengan perpaduan dan persefahaman belia rantau ASEAN pula. Yang manakah yang lebih penting, asas perpaduan belia dalam negara ataupun dalam rantau ASEAN? Yang manakah yang terlebih

dahulu mesti dipupuk, yang manakah yang lebih luas? Pada hal Kerajaan telah memperuntukkan wang rakyat untuk membina dan menguruskan. pengajaran MARA di kebanyakan negeri Malaysia. Saya ingin membuat rayuan kepada Menteri Pendidikan Malaysia supaya dapat mempertimbangkan cadangan supaya membuka pintu MARA kepada rakyat jelata tidak kira kaum supaya persefahaman dan perpaduan jenerasi baru dapat dipupukkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada sedikit perbezaan data penyertaan mengikut kumpulan etnik di pelbagai peringkat pendidikan berdasarkan bilangan pelajar di institusi awam dalam negeri 1985 yang dinyatakan dalam Jadual 19.4 RML terbitan 1986 dan yang ditunjukkan dalam Jadual 13.2 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima terbitan tahun ini.

Bahagian yang didapati mengelirukan adalah seperti berikut:

Peringkat Pendidikan Sekolah Menengah Rendah.

Jumlah bilangan pelajar yang dicatat dalam RML 1986 adalah 914,434 orang di mana bumiputera merupakan 65.2%, Cina 27.3%, India 5.7%, lain-lain 1.8%

Tetapi dalam KSP Rancangan Malaysia Kelima 1989 ini data yang ditunjukkan. itu adalah berbeza. Jumlah bilangan pelajar adalah 918,237 orang. Bumiputera merupakan 55.6%, Cina 35.6%, India 8.0% dan lain-lain 0.8%.- Bagi bahagian . pelajaran atau pendidikan menengah atas aliran Sastera, jumlah pelajar yang ditunjukkan dalam Rancangan Malaysia Kelima adalah 215,067 orang. Peratusan bagi kaum bumiputera 71%, Cina 21.4%, India 6.9%, lain-lain 0.8% tetapi dalam kajian separuh penggal juga, data yang berlainan ditunjukkan. Jumlahnya bagi pelajar sastera menengah atas 211,395 orang. Peratusan bumiputera 71.5%, Cina 20.8%, India 6.9% dan lain-lain itu serupa. Bagi menengah atas tetapi bahagian teknik, gambaran yang diberikan itu adalah berbeza .pula.

Bagi Rancangan Malaysia Kelima, jumlah . pelajar 6,694 orang tetapi dalam KSP, gambaran yang diberikan itu 5,552 orang. Peratusan-peratusan yang diberikan adalah berbeza. Bagi menengah tinggi (post secondary)., dalam sastera lebih kurang 16,105 orang. Peratusan yang diberikan itu adalah 19.8% untuk bumiputera, 71.7% untuk Cina dan 7.5% untuk India, tetapi dalam kajian separuh penggal, gambaran yang diberikan itu berlainan. Jumlahnya menjadi 27,745 orang, peratusan bagi bumiputera 75.2%, bagi orang Cina 19.2%, bagi pelajar India 4.9%. Perbezaan itu ada didapati untuk Sains dan Teknologi juga. Dan bagi bahagian ijazah pula, semuanya ada perbezaan-perbezaan yang boleh didapati jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat boleh kaji semula Jadual. 19.4 Rancangan Malaysia Kelima dan Jadual 13.2 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima.

Saya menunjukkan perbezaan data statistik ini untuk menyarankan supaya pihak Kerajaan sendiri mesti memberikan data statistik bagi

pencapaian ekonomi negara secara selaras. Oleh kerana adanya MAPEN ataupun Majlis Perundingan Ekonomi Negara di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah meminta orangramai dan ahli-ahli Majlis itu untuk membekalkan data statistik yang lebih betul. Kerajaan sendiri mesti memberikan gambaran data statistik yang aelaras di dalam dua laporan yang telah disebutkan oleh saya iaitu Rancangan Malaysia Kelima dan juga Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysian Kelima. Jikalau pihak Kerajaan sendiri tidak dapat memberikan data statistik yang selaras, apa lagi kalau kita harapkan orang lain pula yang memberikan data statistik yang lebih boleh dipercayai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta pihak Kerajaan supaya menjalankan siasatan untuk menentukan yang manakah yang betul, gambar yang diberikan oleh Jadual yang saya sebutkan dalam Rancangan Malaysia Kelima ataupun gambar yang diberikan oleh Jadual yang didapati dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima. Sebelum perbincangan dan perundingan berguna dapat dijalankan dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara, amatlah penting jika sekiranya ahli-ahli Majlis tersebut dapat dibekalkan dengan angka-angka statistik yang dapat disahkan dengan beberapa cara. Tanpa data statistik yang menyeluruh dan selaras, tidak mungkin dapat dicapai satu cara untuk menghasilkan satu persetujuan ke arah perabangunan ekonomi negara kita yang sempurna. Oleh kerana itu kalau MAPEN akan di harap berjaya, data-data statistik yang dibekalkan itu mesti dapat dipercayakan.

Kebelakangan ini, masalah disiplin pelajar dalam sekolah-sekolah sudah menjadi satu isu tumpuan perhatian guru, Jabatan

Pendidikan dan juga Kementerian Pendidikan. Selain- daripada dibimbangi oleh semua ibubapa yang mempunyai anak-anak di bangku sekolah, penyalahgunaan dadah, ponteng sekolah untuk melawat pusat hiburan snooker dan permainan video atau pusat beli belah atau bersiar—siar sahaja di stesen keretapi ataupun bas, semua itu adalah masalah disiplin yang kita boleh melihat dengan biasa dan masalah itu semakin teruk kerana sampai hari ini kita sudah dapati bahawa pihak polis pun campur tangan untuk menolong Jabatan Pendidikan tiap-tiap negeri untuk mencegah berlakunya ponteng sekolah dan salahguna dadah dan sebagainya dan apa-apa -masalah yang ditimbulkan oleh budak-budak sekolah.

Memang kita sudah ada Guru-guru Kaunseling dan Kerjaya di semua sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi tetapi nampaknya usaha kita itu tidak mencukupi lagi selagi masyarakat memberikan peluang-peluang yang menarik pelajar-pelajar kita seperti bekalan dadah di negara kita yang tidak dapat diputuskan sampai hari ini

Pengaruh kumpulan sebaya pelajar-pelajar yang bercorak anasir buruk, adanya banyak pusat hiburan dengan permainan video, permainan snooker dan permainan judi seperti, dengan izin, 'one arm bandit' dan sebagainya selagi lesen-lesen seperti itu senang dikeluarkan oleh Kementerian yang berkenaan. Banyak lagi yang saya tidak dapat saya sebutkan di sini kerana terhad masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi semasa di bangku sekolah dahulu, jika sekiranya seseorang budak dipukul dengan rotan kerana membuat sesuatu kesalahan di sekolah dan jikalau budak itu balik ke rumah dan mengadu kepada ibubapanya, kebarangkalian besar

adalah dia akan mendapat sekali hukuman daripada ibubapanya, oleh kerana pada masa itu tindakan ibubapa itu menegurkan hukuman yang diberi oleh guru di sekolah. Tetapi zaman sudah berubah, dahulu lain sekarang lain. Pernahkah Ahli-ahli Yang Berhormat dengar cerita yang dikatakan seorang bapa kepada seorang budak sekolah di Pulau Pinang yang marah sahaja apabila mendengar anaknya dipukul oleh gurunya kerana tidak dapat menghabiskan kerja rumah.

Bapa yang marah pun pergi ke sekolah dan memukul cikgu itu, sebenarnya seorang cikgu wanita dengan buku limanya. Oleh kerana itu kita nampak dengan jelasnya contoh ini menunjukkan sifat peribadi yang buruk'di antara kalangan ibu-bapa zaman moden ini.

Ibu-bapa zaman moden ini tidak sudi melihat anak-anaknya dipukul ataupun dihukum oleh guru sekolah kerana kesalahan yang sudah dilakukan oleh anak mereka. Jika murid-murid itu salah, saya berpendapat tindakan disiplin sekolah itu perlu disokong dengan tindakan disiplin di rumah. Jika tidak, tentulah masalah disiplin di sekolah akan berterusan dan tidak dapat diubahi.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya katakan atau cadangkan supaya sokongan pihak ibu-bapa perlu diberikan apabila tindakan disiplin sekolah dijalankan, saya tentu tidak bermaksud menyeru semua ibu-bapa menyokong sebarang tindakan sekolah tanpa memahami cerita yang penuhberkenaan dengan masalah disiplin di sekolah. Ada kalanya, di mana sekolah itu mengambil tindakan disiplin yang terlampau dan tidak patut jika dijalankan. Jika berlaku penyalahgunaan kuasa disiplin oleh seseorang guru.. Saya yakin ibu-bapa semua berhak untuk membawa perkara itu kepada pihak Guru Besar ataupun kepada pegawai di peringkat Jabatan Pendidikan. Negeri supaya boleh mencegah berlakunya salah guna kuasa disiplin dan tindakan disiplin yang tidak patut dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa satu kes di mana seorang guru sekolah menengah menyuruh. murid perempuan berdiri di atas meja sekolah sehingga kepala murid itu luka terpukul oleh kipas ceiling yang sedang berputar. Kes itu berlaku di sebuah sekolah menengah Seberang Prai Utara. Malangnya, di dalam kawasan yang dekat dengan rumah saya. Jika sekiranya guru berkenaan ingin

menjalankan tindakan disiplin ke atas muridnya, dia perlu memastikan bahawa tindakan itu tidak akan membawa ancaman ke atas keselamatan dan kesihatan muridnya. Kalau tidak, guru berkenaan akan dituduh cuai dalam menjalankan tugasnya dan dalam kes yang saya sebut tadi, kecuaiannya mengakibatkan murid itu dimasukkan ke dalam hospital untuk rawatan kecemasan. Saya rasa cerita itu adalah satu pengajaran kepada guru-guru yang ingin menjalankan kerja disiplin murid tetapi sudah menjalankan dengan terlampau. Oleh kerana itu, saya rasa guru-guru perlu mencari jalan untuk memberi nasihat yang sempurna kepada murid-muridnya selain daripada menggunakan cara hukuman fizikal terhadap murid-muridnya. Jika diberikan dengan cara betul, saya yakin nasihat guru-guru akan diambil oleh murid. Tentunya ibu-bapa pun akan menyokong tindakan sekolah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kerjasama Balai Polis tempatan untuk mengambil sekolah-sekolah tempatan sebagai anak angkat adalah satu langkah perkhidmatan sosial yang berfaedah kepada sekolah dan satu langkah yang boleh menolong pihak sekolah untuk mengatasi masalah disiplin budak-budak sekolah. Kita mesti mengalu-alukan kerjasama yang diberikan oleh pihak Polis. Selain daripada menolong pihak sekolah mengatasi masalah disiplin, Balai Polis boleh menolong sekolah untuk mengendalikan kerja ko-kurikulum seperti Kadet Polis ataupun Kadet Tentera dengan memberikan satu bimbingan yang betul kepada belia dalam bangku sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin memperkenalkan satu kes nasib kurang baik golongan guru-guru kategori B dalam negara kita. Pada masa dahulu, apabila Kementerian Pendidikan ingin menggalakkan belia menyertai latihan perguruan, kelayakan SRP pun diterima sebagai kelayakan yang minima untuk memasuki maktab-maktab perguruan di tana golongan guru pelatih itu merima 3 tahun latihan

sebelum menjadi guru Kategori B. Apabila Laporan Aziz dilaksanakan, guru-guru Kategori 3 itu yang telah lulus peperiksaan Bahasa Malaysia peringkat ketiga untuk kakitangan Kerajaan Malaysia, telah dibenarkan diserapkan masuk skim C2 guru sebagai satu kelonggaran atas sebab mereka telah lama berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan. Tetapi pada masa itu masih ada ramai guru Kategori 3 yang belum mendapat kelayakan Bahasa Malaysia sama ada daripada peperiksaan peringkat ketiga untuk kakitangan Kerajaan Malaysia ataupun peringkat kepujian Bahasa Malaysia, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Olah itu, selepas tarikh itu, guru-guru kategori B pun terus dikekalkan dalam kategori 3 jika mereka tidak dapat diserapkan ke dalam Kategori C2 semasa skim Aziz mula dilaksanakan.

Baru-baru ini skim gaji 2 peringkat, 'dengan izin, two-tier pay-scheme, telah diumumkan oleh Kementerian Pendidikan. Itu merupakan satu berita bagus untuk kebaayakan guru kecuali golongan guru Kategori B. Dalam perkaitan ini didapati bahawa golongan guru Kategori B lebih kurang sebilangan 10,000 kurang nasib baik .sekali lagi. Hanya mereka yang berumur melebihi 50 tahun boleh diserap masuk skim itu jika mereka dapat membuktikan sudah menduduki peperiksaan SPM dengan tidak payah lulus kalau mereka sudah ada masuk peperiksaan SPM mereka boleh masuk skim itu. Untuk guru-guru Kategori B di bawah 50 tahun, nasib mereka adalah berlainan. Mereka perlu lulus SPM dengan kepujian Bahasa Malaysia. Padahal guru-guru itu kebanyakan adalah dalam lingkungan umur 40an dan sudah berkhidmat bertahun-tahun dengan berterusan dengan berdedikasi kepada profession guru sepanjang masa itu. Saya berpendapat tidak melampau jika mereka ini diberikan sedikit kelonggaran terhadap syarat memasuki skim gaji 2 peringkat baru itu.

Satu sebab tambahan, bilangan guru Kategori B ini adalah terhad sahaja kepada yang sedia ada sekarang. Kementerian Pendidikan tidak lagi melatih guru kumpulan ini oleh kerana itu untuk kumpulan yang sebilangan kecil, bolehkah Menteri Pendidikan mempertimbangkan nasib mereka, mempertimbangkan pengalaman mengajar mereka, mempertimbangkan dedikasi perkhidmatan mereka untuk meluluskan satu kelonggaran syarat untuk memasuki skim gaji 2 peringkat yang baru dicadangkan, yang baru akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyuarkan ini oleh kerana saya berasa cukup bersimpati dengan guru kumpulan ini, yang sudah lama berkhidmat, tetapi nampaknya perkhidmatan mereka itu tidak dihargai melalui tindakan yang wajar. Saya suarakan masalah-masalah pendidikan ini untuk menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, supaya semua orang dalam negara ini tahu bahawa walaupun negara kita sudah maju dalam bidang ekonomi, masih ada banyak kelemahan-kelemahan di mana Kementerian Pendidikan boleh memperbaiki.

Saya berharap dengan ikhlas Menteri Pendidikan dapat menyemak semula kes-kes yang saya sudah sebutkan tadi, dan saya berharap Menteri Pendidikan boleh memperbaiki pengurusan dan perkhidmatan pendidikan dalam negara ini, supaya dengan sistem yang lebih berkesan kita dapat mengeluarkan tenaga manusia yang lebih ramai, yang lebih berkepakaran, yang lebih berdedikasi kepada produktiviti, yang boleh menolong pembangunan ekonomi negara.

Akhir sekali, saya ingin memohon untuk menyokong Usul yang membentangkan Kajian 'Separuh Penggal Rancangan Malaysia yang Kelima. Terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun.

5.32 ptg.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima pada hari ini.

Terlebih 'dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan dan pucuk pimpinan Kerajaan kerana berjaya mengubah keadaan ekonomi kita, daripada keadaan yang merunsingkan 2-3 tahun dahulu sehingga sekarang yang boleh kita banggakan. Berjayanya Kerajaan untuk turn round ekonomi kita ini, menunjukkan bahawa Kerajaan sanggup membuat perkara-perkara dan menukar dasar-dasar dan peraturan-peraturan detni untuk mencapai tujuan itu. Banyak perkara telahpun disebut mengenai kejayaan berhubung dengan ekonomi negara, tetapi ada beberapa perkara kejayaan berkaitan dengan perkembangan ekonomi kita yang tidak disebut, perkara-perkara yang tidak boleh diquantify, perkara-perkara intangible seperti kurangnya akhir-akhir ini perasaan prasangka di antara kaum.

Walaupun kedengaran di kalangan ahli-ahli politik pertikaian mengenai perkara-perkara perkauman, tetapi di bawah di kalangan rakyat biasa, saya berpendapat perasaan antagonism, dengan izin, di antara 'kaum sudah berkurangan. Sebagai contoh dan sebagai pengukuran ialah apabila sampai ,masa kempen di dalam pilihanraya terutama sekali pilihanraya kecil akhir-akhir ini, soal-soal perkauman tidak lagi kedengaran dengan hebatnya seperti tahun-tahun 1960an dan 1970an. Misalnya kita ambil masa pilihanraya kecil Johor Bahru, Parit Raja, Bentong dan baru-baru ini Teluk Pasu hampir tidak ada langsung lagi usaha-usaha untuk menakutkan pengundi-pengundi, dengan membawa hujah-hujah mengenai ancaman kaum di antara aatu dengan yang lain. Ini satu perkembangan yang positif bagi negara kita dan aaya kaitkan ini dengan kemajuan yang telah tercapai dalam bidang ekonomi.

Pertamanya, kurangnya perasaan perkauman terutama sekali di kalangan orang Melayu ialah kerana hasil daripada kemajuan yang

telah kita capai kerana Dasar Ekonomi Baru. Kejayaan—kejayaan ini telah menimbulkan perasaan yakin diri di kalangan orang Melayu yang diharapkan oleh pucuk pimpinan kita.

Kalau dahulu orang Melayu berasa takut, berasa bimbang diancam oleh kaum lain di negeri ini, tetapi sekarang ini perasaan ancaman itu tidak lagi menjadi satu perkara yang amat menakutkan. Ini ialah kerana misalnya dalam bidang pendidikan, walaupun tahap kejayaan di kalangan bumiputera tidak setanding dengan kadar jumlah mereka dalam negeri ini, tetapi rata-rata menunjukkan bahawasanya mereka telah mencapai tahap-tahap tertentu yang menyebabkan mereka merasa lebih yakin daripada masa yang dahulu. Dan perasaan yakin diri ini kalau dipupuk, dikembangkan lagi sudah tentu akan menimbulkan aspek-aspek positif lain lagi. Berkaitan dengan ini proses urbanisasi orang Melayu juga telah menimbulkan perasaan yakin diri ini.

Kalau tahun 1960an kita rasa masuk bandar Kuala Lumpur ini, kita tidak terasa duduk di negeri Melayu, tidak rasa seperti Malaysia, seolah-olah kita ada di Hongkong dan tempat lain, sekarang tidak lagi perasaan itu timbul di kalangan kita dan ini ialah satu perkembangan yang amat baik bagi negeri ini.

Di kalangan kaum peniaga pula kita dapati eksekutif-eksekutif muda bercampur-gaul di hotel-hotel, di tempat-tempat yang patut pada masa dahulu, tidak-ada langaung orang Melayu, sekarang sudah terdapat orang Melayu merata-rata, dan ini juga menimbulkan persefahaman dan akhirnya menghasilkan keyakinan diri dan inilah satu-satu yang kita harapkan terus berkembang. Berkaitan dengan ini juga kita tidak sedar bahawasanya Dasar Pelajaran kita telah menghasilkan juga satu perkembangan yang amat positif dalam masyarakat Melayu

terutamanya iaitu pendidikan agama Islam.

Pendidikan agama Islam yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan selaraa ini juga telah menimbulkan pemahaman yang mendalam mengenai Islam, menyebabkan orang Melayu tidak lagi berpandangan sempit dan mereka telah menganuti nilai-nilai yang lebih tinggi, nilai-nilai yang lebih halus, iaitu nilai-nilai yang universal menyebabkan tidak lagi terasa perasaan perkauman. Dan ini sudah tercermin dalam perkembangan politik tanahair.

Akhir-akhir ini dalam masa 5-10 tahun ke belakang ini, parti pembangkang utama di kalangan orang Melayu ialah parti PAS tidak lagi menekan masalah-masalah berkaitan dengan kaum, tetapi menekan masalah-masalah sejagat "universality of Islamic values" dan ini penting bagi perkembangan perkauman di tanahair kita, Dan hasil daripada perkembangan positif ini parti pembangkang seperti PAS mula mengambil langkah yang baru, membuat hubungan dengan parti-parti pembangkang lain, dan ini perkembangan yang harus diawasi dari segi konteks perlawanan politik di antara pemerintah sekarang dengan parti pembangkang. Tetapi bagi Malaysia dengan kurangnya desakan daripada parti pembangkang tentang perkauman maka dengan sendirinya UMNO yang memerintah negeri ini bersikap lebih liberal, sebab itulah respond UMNO kepada perkembangan tanahair sekarang dalam konteks menentukan daaar dan strategi sudah berubah banyak kerana tekanan daripada parti lawan, parti PAS tidak timbul lagi. Maka penubuhan MAPEN, keberanian Kerajaan membuka pintu untuk berbincang, untuk menentukan dasar ekonomi masa depan berpunca daripada keyakinan ini. Dan tentang data dan statistik, kesanggupan Kerajaan syer dengan semua kaum, dalam masalah ini ia sanggup berdepan membetulkan apa yang disalahfaham, sudah tentu juga menunjukkan keyakinan Kerajaan tentang kedudukan sebenar di tanahair ini.

Oleh **itu**, saya ingin tegaskan di **sini** bahawa apa yang berlaku di negeri kita sekarang adalah satu perkara yang memberangsangkan, satu perkara yang kita semua patut sanjung tinggi dan keberanian Kerajaan bukan sahaja terhenti di situ, keberanian untuk mengubah dasar daripada boleh dikatakan total interventionist policy, dengan izin, kepada de-regulation sekarang inipun juga merupakan satu pengakuan bahawa dasar dan cara dahulu itu mungkin tidak betul dan perubahan, kelonggaran, liberalisasi dasar-dasar Kerajaan berhubung dengan ekonomi dan lain-lain lagi juga menunjukkan bahawa kita sanggup membuat apa sahaja demi untuk kebaikan negara keseluruhannya,

Di antara perkara yang terpenting yang Kerajaan buat akhir-akhir ini ialah penekanan kepada pelaburan pihak swasta untuk memastikan pertumbuhan ekonomi. Dalam kaitan ini, saya ingin menarik perhatian pihak perancang negara, dalam menekankan masalah pertumbuhan ekonomi yang berlandaskan pelaburan swasta ini sudah tentu pertumbuhan ekonomi tidak akan seimbang di antara wilayah dengan wilayah sebab para pelabur sudah pasti akan melabur di kawasan-kawasan yang mempunyai infrastruktur-infrastruktur yang menguntungkan mereka. Pertimbangan pihak pelabur adalah keuntungan, 'the bottom line', dengan izin, dengan sendirinya negeri-negeri dan wilayah-wilayah tertentu di Malaysia tidak akan dapat menarik pelaburan daripada para pelabur swasta. Dan dengan itu, negeri-negeri seperti negeri saya - Kelantan, akan ketinggalan. Tambahan

pula ada dasar yang deliberate untuk menetapkan bahawasanya Pantai Barat sebagai 'corridor' utama untuk menggalakkan pelaburan dan Pantai Timur 'mini-corridor' dan dengan sendirinya ini seolah-olah menghukumkan negeri-negeri ini sebagai negeri-negeri yang tak layak untuk menerima investments yang besar. Saya ingin ingatkan pihak perancang negara bahawa sekurang-kurangnya di negeri Kelantan yang mempunyai 1,100,000 rakyat Melayu iaitu mewakili 13.4% daripada rakyat Melayu keseluruhannya akan ketinggalan hasil daripada deliberate policy yang memisahkan mereka daripada 'main-stream', dengan izin, pembangunan negara. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat semua pergi ke Kelantan, Kelantan sekarang seolah-olah 'ghost country', dengan izin, tidak ada pelaburan sedikit sekali pun, kalau dibandingkan dengan Johor Bahru, Klang Valley, Pulau Pinang dan tempat-tempat lain, Kelantan hanya mampu mengeluarkan anak-anak bangsa yang sanggup bekerja di kilang—kilang di Pantai Barat, meninggalkan negeri Kelantan kepada orang-orang tua sahaja,

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan ini saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang kerap ke negeri Kelantan akan memberi perhatian baru kepada perancangan ini, takut-takut dasar 'non-interventionist' yang mengurangkan campurtangan Kerajaan sekarang ini, yang menggalakkan swasta, akan akhirnya membawa akibat yang buruk kepada negeri-negeri yang terpencil ini dan akhirnya membawa kesan kepada masalah integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini saya ingin menarik perhatian juga kalaulah negeri Kelantan tidak dapat menarik para pelabur sepertimana negeri Johor, Melaka, Klang Valley, Pulau Pinang

dan lain-lain, saya teringat pada satu masa dahulu, saya telah diyakinkan oleh seorang Timbalan Menteri di dalam Dewan ini bahawa mungkin Kelantan melalui Dasar Pelancongan Kebangsaan sekarang akan dapat lebih ramai, pelancong dan ini akan menolong ekonomi negeri itu. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, apa yang dikatakan mengenai Kelantan adalah 'metos' semata-mata. Kalau tuan-tuan ke Kelantan negeri Kelantan hanya dapat dilawati dalam masa satu hari untuk melihat negeri itu, Dari segi potensi pelancongan amat kecil sekali. Jadi, apakah yang boleh dibuat untuk negeri itu dalam konteks pembangunan keseluruhan untuk memastikan perimbangan pertumbuhan ekonomi seluruh negara termasuklah negeri-negeri yang terpencil seperti Kelantan. Maka; dalam perancangan Kerajaan saya mengesyorkan supaya dasar 'intervention' Kerajaan diteruskan bagi negeri-negeri seperti Kelantan, Sabah dan Sarawak supaya mereka tidak ketinggalan dalam perkembangan keseluruhan tanahair.

Dalam soal ini apabila saya membaca buku Kajian Separuh Penggal ini, hanya ada satu dua perkara yang disebut khusus mengenai Kelantan. 'Satunya ialah jalan yang bakal akan dibina di antara Kuala Berang melalui Gua Musang ke Cameron Highlands dan satu lagi Gua Musang ke Sungai Siput/Ipoh. Ini memakan belanja beratus ribu ringgit agaknya tetapi tidak disebut, dan rancangan ini sudah tentu akan dapat menolong negeri Kelantan tetapi masa yang ia akan mengambil untuk mendapat hasil, untuk memberi. Kelantan peluang bersama-sama dalam "main-stream" ekonomi negara sudah tentu tidak akan tercapai.

Yang lebih penting pada masa ini ialah masalah berkaitan dengan pengangguran. Kadar pelajar-pelajar Kelantan di pusat-pusat

pengajian tinggi sama ada dalam negeri atau seberang laut adalah boleh jadi di antara tertinggi di kalangan bumiputera. Angka-angka tepat tidak ada tetapi mengikut observation, perbincangan, saya yakin bilangan bumiputera yang mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran dalam negeri dan luar negeri daripada negeri Kelantan amat tinggi sekali. Tetapi malang, pengangguran di kalangan mereka - bukan mereka tidak mahu bekerja, bukan mereka memilih kerja, mereka sanggup buat apa kerja - tetapi peluang yang wujud di negeri Kelantan tidak ada langsung dan oleh itu saya bimbang Kerajaan yang kita bina sekarang ini boleh jadi terancam dalam pilihanraya yang akan datang kerana tidak ada satu usaha yang serius untuk memastikan masalah-masalah ini diatasi dengan segera yang mungkin.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada pihak perancang ekonomi negara dan Kementerian-kementerian yang terlibat dengan perancangan ekonomi - Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Keraenterian Pendidikan dan semuanya yang terlibat supaya memikir sekali lagi masalah negeri Kelantan dalam konteks perkerabangan tanahair dan mengkaji dengan sedalam-dalam mungkin untuk memastikan sama ada strategi yang ada sekarang ini betul ataupun tidak, sebab akibat dan implikasinya 13.4% daripada kaum bumiputera bagi seluruh tanahair ini berada di negeri Kelantan. Kalau mereka ketinggalan, sudah tentu apa sahaja kemajuan yang dibuat di Pantai Barat oleh bumiputera lain akan ditarik turun peratusnya, maka performance atau prestasi keseluruhannya terjejas.

Oleh **itu**, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menamatkan ucapan saya yang pendek ini dengan merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang memahami masalah ini dengan mendalamnya supaya sekali lagi panggil balik pegawai-pegawainya dan menanya apakah rancangan untuk Kelantan itu betul ataupun tidak, kalau tidak ubah sebelum kita terlambat. Sekian saya mohon menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Yang Berhormat Puan Hajjah Habidah binti Jusoh.

5.51 ptg.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya turut sama di dalam perbahasan. Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba petang semalam, yang mana kajian ini dibuat ialah bagi meneruskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan di dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang stabil.

Tuan Yang di-Pertua, "Bersatu" adalah kata keramat yang memberi seribu makna, kata hikmat yang membawa seribu pengertian, tetapi kenapa "Bersatu" pula, setelah "Rakyat Tegas Negara Maju", "Nasionalisme Teras Perpaduan" dan "Amanah Asas Kejayaan". Apakah tema-tema mulut ini tidak memberi makna lagi ada harapan yang tidak tercapai, ada hasrat yang tidak terlaksana atau apakah tujuan "Bersatu" itu dan untuk siapakah perpaduan itu? Adakah untuk sesama Melayu atau terdapat keretakan hubungan antara kaum? "Bersatu"

untuk siapa, untuk pemimpin atau untuk rakyat? Sudah pasti ada yang tidak lancar di mana-mana setelah hampir 32 tahun kita mengharapkan soal-soal perpaduan dan integrasi telah selesai.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia ini dihuni oleh rakyat berbilang kaum serta menganuti fahaman dan mengamalkan kebudayaan yang berbeza-beza, harus hidup dengan realiti, kepentingan dan nilai yang berbeza, tetapi keunikan bersama, sikap toleransi dan semangat setia kawan. Inilah yang menjamin kesejahteraan negara selama ini. Bukankah Malaysia tempat berhimpunnya segala tradisi dan tamaddun kebudayaan pelbagai rupa bangsa dari seluruh pelusuk alam? Tanpa paksaan kaum pendatang dan penduduk asal bercampur dan berinteraksi secara bebas, bukan tidak ada perselisihan dan konflik, malah konflik-konflik inilah yang sebenarnya mematangkan dan menyedarkan kita bahawa bagi sebuah negara berbilang kaum seperti kita, soal-soal perpaduan, muhibah dan setia kawan perlu ada.

Tuan Yang di-Pertua Kerajaan hendaklah membantu sampai berjaya kaum-kaum yang benar-benar lemah di dalam mencapai matlamat rancangan Dasar Ekonomi Baru agar perpaduan akan tumbuh dan kecurigaan di antara kaum akan lenyap dan tidak timbul lagi kempen-kempen di luar negara bahawa orang kaum ini tidak boleh berniaga di taraf antarabangsa, hanya kaum ini sahaja yang boleh berniaga dan membuka kilang-kilang besar dan boleh diterima sebagai rakan kongsi dalam perniagaan antarabangsa. Kalau ada sahaja kaum bumiputera yang ingin menceburdiri di dalam sektor antarabangsa akan dipersoal dari angkatan manakah mereka, adakah ia dari golongan yang sebulu dengan yang ada atau adakah ianya semata-mata orang pendatang baru dan sampai

bilakah konsep yang dilaung-laungkan ini akan tercapai. Maka kita merasa hampa kerana kita sedar bahawa seandainya institusi kewangan dan Kerajaan tidak campurtangan untuk memajukan kaum Bumiputera, maka selama itulah rancangan demi rancangan akah menjadi gendang kosong sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan faktor hutang pula, memanglah faktor hutang tidak pernah selesai diperkatakan. Apa lagi ianya mengenai kaum peniaga bumiputera. Apa yang bolen kita tinjau ialah pengajaran-pengajaran yang boleh didapati untuk digunakan oleh para usahawan kita, menghindarkan berlakunya bencana hutang Ke-atas diri mereka. Ini amat ketara, terutama bagi usahawan bumiputera yang baru 10 tahun kebelakangan ini mencebur diri dalam dunia perniagaan, modal mereka bukan sahaja terhad, tahap budaya niaga mereka juga masih rendah berbanding dengan masyarakat lain.

Tuan Yang di-Pertua, amalan meminjam dari institusi kewangan atau bank untuk tujuan berniaga "kadang-kadang disalahgunakan juga bagi tujuan lain yang sebelum ini mereka tidak pernah menikmatinya. Bank-bank pula tidak mempunyai keyakinan terhadap kebolehan usahawan kita menguruskan hutang dan terdapat pula di antara para peminjam yang gagal membayar hutang. Di akhir-akhir ini terlalu ramai kaum bumiputera yang diisytiharkan bankrap dan tanah-tanah orang kampung yang tidak mengerti makna perniagaan, bank, kebanyakannya di lelong oleh bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan di mana tempat peminjam atau piutang itu berhutang. Kita merasa seolah-olah telunjuk lurus, kelingking berkait, kerana dari satu segi kita mengutamakan atau menggalakkan orang Melayu mencebur

diri di dalam perdagangan, tetapi dari segi yang lain bila mereka mula menunjukkan minat berniaga secara besar-besaran, maka ada pula pihak lain merasa tidak senang dengan hal-hal begitu, maka dicarinya jalan bagi memusnahkannya walau dengan apa cara sekali pun, Akhirnya peniaga bumiputera terjerat dengan sistem hutang dan ramai pula yang menjadi miskin, papa setelah menceburkan diri di dalam perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, untung atau rugi di dalam perniagaan adalah lumrah biasa yang lazim dan semua usahawan telahpun maklum, tetapi punca kegagalan sebenar di lihat dari dua aspek iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran, misalnya, kemelesetan ekonomi bukan sahaja di negara ini bahkan risiko ini ditanggung oleh seluruh dunia iaitu pelanggar lambat bayar atau gagal membayar balik. Perkara ini mungkin boleh melumpuhkan perniagaan, lebih-lebih lagi mereka yang modalnya hanya sekilas pandang ataupun modal setikam. Kadang-kadang bumiputera yang dapat projek dari Kerajaan pun akan kecewa andainya kelambatan membayar balik menyebabkan projek berkenaan terbengkalai dan usawahan ini pula melayang jatuh kerana tekanan-tekanan bank dan pekerja. Sementara faktor dalaman pula seperti kurangnya ilmu berniaga, kekurangan modal, budaya niaga yang rendah, pemikiran yang sempit ataupun enggan membayar hutang.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita didedahkan dengan maklumat bahawa bank-bank telah memberi pinjaman kepada pengusaha-pengusaha bumiputera sebanyak sekian-sekian ribu juta, tetapi kita tidak tahu sejauhmana kejayaannya. Oleh itu dicadangkan bahawa Kabinet perlulah menubuhkan satu badan khas bagi mengkaji dan menyelesaikan masalah peniaga yang tidak dapat menjelaskan hutang-hutang

mereka supaya kalau boleh diberi nasihat dan tunjuk ajar bagi menyelesaikan kes mereka itu dan tidak akan menggambarkan kepada kita bahawa satu hari nanti ramai usahawan-usahawan kita yang akan menjadi bankrap dan nanti akan timbul pula Persatuan Bankrap Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh masalah pengangguran pula, pertumbuhan ekonomi yang perlahan menyebabkan peluang pekerjaan baru turut terjejas dengan teruknya dan perkembangan ini telah menyebabkan masalah pengangguran di negara ini menjadi serius. Walaupun masalah pengangguran dijangka berterusan namun para perancang ekonomi meramalkan dengan Rancangan Malaysia Kelima ini akan bertambah baik. Itulah harapan kita semua. Ini berasaskan andaian bahawa penduduk negara ini akan bersikap lebih positif dalam menghadapi cabaran ini, malahan perubahan sikap tenaga kerja yang tertuju ke arah berdikari dan juga sikap bersaing. Hal ini ditambah dengan hakikat bahawa Malaysia mempunyai ciri-ciri yang istimewa dari segi sumber alam semula jadi yang masih banyak belum diteroki, tambahan pula mempunyai infrastruktur yang melebar.

Walaupun begitu, kita pula berdepan dengan pertumbuhan ekonomi dunia yang tidak menentu dan kita terdedah dengan persoalan **ini**, terutama mengenai eksport pertanian negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, keupayaan fizikal sektor awam yang semakin lemah merumitkan lagi masalah **ini**. Kelemahan keupayaan kewangan Kerajaan melalui perbelanjaan defisitnya yang kian meningkat menyebabkan sektor awam tidak lagi dapat bergiat cergas bagi meningkatkan kegiatan ekonomi negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, sumber utama hasil Kerajaan seperti cukai, terutamanya cukai eksport terjejas akibat kemeseletan ekonomi dunia dan pertumbuhan eksport negara yang baru pulih. Keadaan ini akan menjadi lebih buruk apabila lebih banyak sumber cukai terpaksa dilepaskan untuk memperbaiki suasana kewangan negara. Hutang negara yang sebahagian besarnya dari pinjaman luar negeri yang amat tinggi, dengan ini harapan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dalam Rancangan Malaysia Kelima bergantung kuat kepada kegiatan sektor swasta. Berikutan dengan itu, maka pekerjaan baru tidak banyak dapat disediakan dan kekurangan ini kerana sektor utama menyediakan pekerjaan seperti perkhidmatan Kerajaan tidak banyak dapat disediakan. Kadar yang rendah ini menyebabkan berlakunya penyerapan buruh ataupun pekerja tidak dapat dilaksanakan semampu yang boleh kerana kadar penyerapan buruh sektor Kerajaan amat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meringankan masalah ini sektor swasta terpaksa lebih mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, termasuklah peluang kerja di peringkat tinggi, tetapi kemampuan pihak swasta

juga terhadap masalah pengangguran di kalangan siswazah lepasan sekolah akan menjadi lebih meruncing seandainya persoalan ini tidak diselesaikan dan mencari alternatif baru untuk menampung masalah pengangguran itu.

Tuan Yang di-Pertua, manakala sektor yang paling banyak dapat mewujudkan peluang pekerjaan baru dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ialah sektor perkilangan yang mana dijangka paling banyak dapat mewujudkan peluang pekerjaan baru dalam Rancangan Malaysia Kelima diikuti pula oleh sektor pembinaan yang telah dititikberatkan kepada pembinaan rumah-rumah kos rendah dan sederhana. Kerumitan-kerumitan di dalam sektor perkilangan dan binaan ialah mengenai pembiayaan bank pinjaman dan syarat-syarat Kerajaan yang kadang-kadang bersifat menekan dan terlampau terdedah dengan berbagai-bagai syarat yang perlu dilalui oleh sesebuah, syarikat sehingga orang boleh mengambil kesempatan dengan syarat-syarat yang banyak itu untuk mendapat komisyen ataupun rasuah, sama ada rasuah benda, wang, masa atau rasuah wanita-wanita jelita bagi mendapat satu-satu projek atau pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa perniagaan yang sebegini bukanlah suatu latihan yang diajar oleh datuk nenek kita dan bukanlah suatu ajaran yang diterima dari guru-guru agama kita kerana kebanyakan dari perdagangan ini semuanya diimport dari ajaran-ajaran yang sesat dan mengikut pemikiran manusia semasa, sedangkan bagi umat Islam memang telah diajar dan disematkan di dalam sanubari mualimin bahawa konsep perdagangan yang sebenar ialah telah diajar di dalam Al-Quran dan Sunnah dan kitab-kitab Feqah yang muktabar yang boleh diterima oleh seluruh manusia kerana ianya diturunkan oleh Allah dalam melaksanakan konsep muamalah ataupun cara-cara

business atau tjarah di dalam Islam juga tidak bersifat menekan dan merosakkan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Dewan yang mulia ini saya mencadangkan supaya diserapkan perniagaan dan perdagangan secara Islam supaya ianya dapat merealisasikan kehendak rakyat banyak dan sesuai dengan kehendak Allah s.w.t. supaya manusia menurut titah perintah yang dapat dilakukan oleh manusia itu sendiri dan kita juga rasa lega bila pelaksanaan perniagaan secara Islam dapat diwujudkan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan pertanian pula dan pertumbuhan gunatenaga, pada pandangan saya adalah kurang menggalakkan kerana pembangunan tanah dapat dibuka dengan lebih meluas, nanti akan timbul lagi masalah besar iaitu kekurangan buruh di kawasan perladangan seperti yang berlaku hari ini. Apakah kita telah dapat mengatasi masalah buruh di ladang-ladang ini? Kalau belum, telahkah wujud suatu cara bagi mengatasinya? Saya mencadangkan supaya Kementerian Buruh mengambil dayausaha bagi mendaftarkan seluruh belia-belia di kampung-kampung dijadikan suatu gerakan menyeluruh untuk diberi tugas sebagai pasukan tentera ladang, yakni pekerja-pekerja ladang yang ditempatkan di ladang-ladang yang berhampiran dengan kampung-kampung mereka dan diberi subsidi elaun sara hidup bagi tiap-tiap mereka yang menyertainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat sepatutnya Kerajaan memberi lebih banyak lagi penumpuan kepada penduduk di kawasan luar bandar kerana usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan selama ini masih tidak memadai kalau dibandingkan penumpuan yang dibuat oleh Kerajaan

kepada penduduk-penduduk di dalam bandar. Di bandar lebih berkesan penumpuan yang diberikan daripada luar bandar sebagaimana contohnya rumah setinggan. Dengan wujudnya rumah-rumah setinggan di bandar-bandar ini Kerajaan telah berjaya mengatasinya dengan mendirikan rumah-rumah flat untuk mereka itu, tetapi di dalam berjaya menyelesaikan masalah semasa ini, lahir pula masalah setinggan baru dan masalah ini berterusan kerana mereka yang menduduki setinggan ini adalah berasal- dari kampung yang jadi punca setinggan yang sebenarnya adalah datangnya daripada kampung. Oleh itu dicadangkan lebih baik Kerajaan menyelesaikan punca masalah dengan memberi penumpuan yang lebih kepada penduduk-penduduk luar bandar ataupun kepada tempat-tempat yang kurang maju seperti menambahkan kemudahan-kemudahan asas dan kemudahan-kemudahan lain yang diperlukan oleh rakyat di luar bandar. Dengan ini akan mengurangkan penghijrahan penduduk-penduduk di luar bandar ke bandar-bandar. Tetapi apa yang kita nampak sekarang ini Kerajaan banyak menumpukan kemudahari di bandar-bandar sahaja, termasuklah baru-baru ini kita dengar kerajaan telah meluluskan projek monorail yang memakan belanja sebanyak \$140 juta.

Pada pandangan saya projek ini kurang penting walaupun pihak Dewan Bandaraya telahpun meluluskannya yang bertujuan untuk mengatasi kesesakan di bandar. Banyak lagi cara lain yang lebih murah dan praktikal, seperti memperluaskan ataupun memperbaiki jalan-jalan yang sedia ada, membuat jalan-jalan-baru, menghadkan jentera-jentera tertentu sahaja memasuki Kawasan bandar, memperbanyakkan lagi pengangkutan awam dan juga memindahkan penumpuan orang ramai dari bandaraya ke bandar-bandar lain, iaitu dengan memindahkan Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan Kerajaan yang tidak perlu

diletakkan di bandaraya ke bandar-bandar lain, misalnya Kementerian Pertanian, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar selaras dengan penyusunan semula masyarakat yang mana pertumbuhan ekonomi tidaklah setempat seperti yang kita saksikan sekarang ini hanya di Bandar Kuala Lumpur sahaja.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini diterima. Terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Yang Berhormat Tuan Hassan Nam.

6.09 ptg.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk turut sama berucap dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bagi membahas dan menyokong usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan ini pada petang kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri Malaysia kerana walaupun menghadapi suasana dunia yang meleset telah dapat menunjukkan prestasi yang baik di dalam separuh masa pertama Rancangan Malaysia Kelima. Dengan kadar perubahan KDNK negara yang dicapai pada tahap-tahap yang ditunjukkan adalah pada kadar yang 'respectable' walaupun ada setengah pihak yang mengatakan bahawa ini adalah disebabkan oleh sumbangan dari hasil minyak atau hasil petroleum.

Pada hakikatnya tanpa satu sistem pengurusan negara yang teratur, tersusun rapi dan cekap pengeluaran minyak yang berjuta-juta tong sehari pun tidak akan dapat menyumbang kepada pertumbuhan KDNK yang pesat yang telah kita capai itu. Saya ucapkan syabas kepada Kerajaan di atas pengurusan yang baik dan keberanian Kerajaan membuat penyesuaian di sektor awam dan swasta yang diperlukan apabila keadaan memaksanya. Saya berharap dengan pertumbuhan ekonomi yang membanggakan ini masa depan Malaysia dan rakyatnya akan lebih terjamin dan cerah lagi dan mereka mampu menghadapi cabaran dari masa ke semasa dengan penuh harapan dan keyakinan.

18 bulan lagi Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Rancangan Malaysia Kelima (RML) 1986-1990 akan tamat dan matlamat Dasar Ekonomi Baru jelas tidak tercapai seperti yang diharapkan sungguhpun terdapat beberapa kemajuan. Pencapaian hakmilik syarikat bagi bumiputera

hanya 19% sahaja, 11% kurang dari target 30%. Kalau ditolak ekuiti yang dipegang oleh agensi amanah dan Kerajaan yang tidak boleh dianggap sebagai kepunyaan bumiputera, pencapaian individu bumiputera barangkali cuma di antara 7% atau 8% sahaja manakala pencapaian bukan bumiputera pula melebihi dari targetnya 40% meningkat kepada 58%. Pendapatan purata sebenarnya bukan bumiputera 55% lebih tinggi daripada bumiputera.

Pencapaian bumiputera dalam perkilangan, perbuatan dan pembinaan atau profesion akauntansi dan percukaian ditahap yang paling rendah dan amat menyedihkan. Pengeluaran sektor perbuatan meningkat pada kadar 18.8% tahun 1987 dan 8% tahun lepas dan nilai eksport 75% lebih tinggi daripada nilai tahun sebelumnya tetapi pencapaian bumiputera di bidang-bidang yang penting ini hanya 5% sahaja. Para kelulusan doktor-doktor bilangan peratus lebih rendah bumiputera daripada bukan bumiputera. Saya berharap kemudahan-kemudahan medical dan perubatan dipertingkat dan diperluaskan lagi bagi semua rakyat di bandar dan luar bandar agar semua rakyat yang miskin dan melarat mendapat perkhidmatan di semua bidang perubatan yang baik.

Saya mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan bukan bumiputera kerana kejayaan sebahagian daripada mereka yang cemerlang walaupun ada sekatan-sekatan yang tidak tersekat pada umumnya. Ini adalah kerana mereka cekap dan bijak menggunakan peluang-peluang dan jelas Dasar Ekonomi Baru membawa keuntungan kepada semua bangsa. Dasar Ekonomi Baru (DEB) bukannya untuk bumiputera sahaja bahkan bukan

bumiputera telah meraih lebih keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian individu bumiputera dalam sektor koperatif sangat lemah jika dibandingkan dengan pencapaian bukan bumiputera.

DEB bukan menjadi sebab ekonomi negara lembab pada tahun-tahun 1981-1986 kerana negara-negara yang tiada DEB pun seperti Singapura, Thailand bahkan lain-lain negara di sebelah barat pun ekonomi mereka turut meleset. Sesungguhnya kemelesetan ekonomi Singapura dan negara jiran lain lebih teruk lagi. Bukti apa yang saya katakan ini ialah jumlah modal naik 131% tahun lepas berbanding dengan tahun sebelumnya. Pelaburan swasta meningkat sebanyak 23.5% tahun 1988 berbanding dengan 6.5% dalam tahun 1987. Seperti kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya di Dewan Rakyat baru-baru ini, minat pelabur-pelabur asing dan tempatan terus meningkat dan ini adalah pertanda yang baik dan syabas saya ucapkan kepada Kerajaan kita.

Tuan Yang di-pertua, kata setengah-setengah pihak tanpa DEB pertumbuhan ekonomi kita mungkin lebih tinggi, ini mungkin benar dan mungkin tidak benar. Apa pun jawabnya tanpa Dasar Ekonomi Baru kalaulah kita mengikut selera dasar fiskal yang kolot sebelum DEB dahulu pencapaian kita sudah tentu lebih rendah dan penting lagi tanpa DEB, peluang ekonomi pertumbuhan ekonomi tiada langsung kerana negara sudah tentu tidak akan stabil dan teguh akibat kehampaan dan tidak kesenangan rakyat bumiputera kerana kedaifan dan kemunduran mereka. Kalau tiada Dasar Ekonomi Baru huru-hara telah berlaku dan dalam keadaan begitu pun, apa pun tidak akan berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa DEB bumiputera akan terus daif dan

miskin, maka kerana itulah Kerajaan terpaksa menyambungkan DEB dalam apa bentuk sekali pun dan tanpa mengorbankan penyusunan semula masyarakat. Pembasmian kemiskinan dan objektif asalnya yang lain barangkali cara perlaksanaannya sahaja mungkin berubah tetapi emphasisnya tidak akan berubah kalaulah Kerajaan terus mahu didokong oleh bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan ikrar yang diulangi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau di Dewan Rakyat bahawa DEB akan terus mendapat tempat utama di sebarang agenda pembangunan negara dan pelaksanaannya dijalankan dengan sebaik-baik mungkin yang boleh memberi faedah kepada negara dan mereka yang menerimanya dari segi jangka panjang. Perpaduan negara adalah objektif DEB dan national solidarity hanya akan wujud jika majoriti rakyatnya hidup sempurna, maka rakyat bumiputera dan bukan bumiputera hendaklah bekerjasama dan hidup dalam harmoni. Bumiputera mestilah diberi haknya yang sewajar yang boleh seperti di Semenanjung terdiri dari orang Melayu, Orang Asli, bumiputera Sabah dan Sarawak serta rakyat Cina pun harus mendapat pembelaan yang wajar, orang India yang senasib daif seperti bumiputera harus juga dapat pembelaan, Sesuai dengan sumbangan dan keperluannya saya mahu Kerajaan memberi perhatian yang berat ke atas masalah yang dihadapi oleh semua rakyat yang miskin dan melarat tidak kira bangsa dan keturunan mereka.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri serta Kerajaan berharap seperti yang mereka berdua pemimpin bayangkan dalam Dewan Rakyat dan di Dewan ini ada consensus, ada sebulat suara dari Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) dan begitulah juga harapan saya dan mereka yang cintakan negara ini iaitu semua rakyat yang taat setia tidak berbelah bahagi kepada negara ini menyokong Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, 1986-1990 ini, saya ingin juga menyentuh lagi dan menyanan mempercepat kerja-kerja atau proses kerjaewartakan kegiatan tanah-tanah rizab kawasan Orang-orang Asli yang dipohon oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Orang-orang Asli untuk masyarakat Orang-orang Asli di Semenanjung bagi kemudahan di segi pembangunan. Dalam hal ini, saya memohon Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan supaya Kementerian Dalam Negeri menghubungi Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan supaya dapat mereka meluluskan dengan kadar yang cepat kegiatan segala tanah yang dipohon itu dan kesejahteraan bersama khasnya kepada masyarakat Orang-orang Asli yang amat merasainya. Sebab dalam lawatan dan tinjauan saya ke kampung-kampung Orang-orang Asli banyak dapat rungutan di terima dari mereka yang 'tanah' mereka belum diwartakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh usaha-usaha Kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan keseimbangan melalui Dasar Ekonomi Baru ini yang baru selepas 1990 untuk mencapai perpaduan negara serta mengekalkan keamanan, harmoni antara kaum dan keteguhan politik dalam konteks ekonomi yang berkembang dan stabil yang berterusan.

Dengan ini, Tuan Yang di-Petua, saya sukacitanya menyokong usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada Dewan ini kelmarin. Terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby.

6.24 ptg.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Usul untuk Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima di Dewan yang mulia ini dan ingin menyampaikan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tuan Abdul Ghafar bin Baba, Timbalan Perdana Menteri yang telah menjelaskan dengan terperinci dan mengharapkan perpaduan dan kerjasama rakyat Malaysia berbilang kaum di Malaysia ini untuk meningkatkan pencapaian matlamat perancangan Dasar Ekonomi Baru serta kejayaan lebih besar dalam tempoh 1 1/2 tahun lagi iaitu pada penghujung tahun 1990.

Di Dewan yang mulia ini semalam, beliau menasihatkan semua lapisan rakyat, terutama pemimpin-pemimpin perlu bersikap tolak ansur mengurangkan pertelingkahan politik dan menumpukan kepada pembangunan negara bagi membolehkan Malaysia menjadi sebuah Negara Perindustrian Baru (NIC).

Tuan Yang di-Pertua, beliau berharap rakyat Malaysia dapat menghapuskan rasa curiga di antara satu sama lain dan berganding bahu dan bekerja dengan penuh semangat bersaing untuk turut sama menyumbang ke arah meningkatkan ekonomi negara. Kita Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat adalah menjadi contoh dan tauladan bagi anak-anak buah kita dan rakyat jelata mencontohnya. Janganlah kita mendengar dengan telinga kanan dan membuang ke telinga kiri dan mula pula yang mahu mengungkit-ungkit yang bukan-bukan daripada Kerajaan seolah-olah apa yang dibuatnya semua tidak kena.

Ketika nasihat Yang Amat Berhormat Tuan Abdul Ghafar bin Baba semalam, kita mendengar dengan teliti beliau pula menyeru agar segala pertelingkahan dan rasa tidak puas hati perlu dibawa ke meja

perundingan untuk mencari penyelesaian. Kita mengangguk-angguk kepala seperti burung tekukur, tetapi selepas itu dipertikaikan pula isu-isu dan karenah-karenah satu-satu kaum kononnya tidak mendapat perhatian Kerajaan dan sebagainya. Janganlah pula ada yang mengikut jejak langkah Ahli-ahli Parlimen DAP, yang sentiasa memburukkan usaha-usaha Kerajaan dan tidak sanggup menerima kenyataan. Politikus jenis ini percaya kepada pepatah inggeris kuno yang berbunyi 'politics is the art of possible'. Saya ambil kesempatan di sini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana berani menegur Ahli-ahli Dewan Rakyat DAP yang menangguk di air keruh dan selalu membakar api perkauman di dalam Parlimen dan luar Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan yang tercapai dalam bidang sosio-ekonomi hari ini sehingga rakyat Malaysia boleh hidup aman dan damai, membuktikan bahawa Kementerian Pertahanan peka dalam tugasnya menjaga keselamatan negara dan keharmonian rakyat. Hampir sudah menjadi kenyataan hari ini bahawa Anggota Tentera dan Polis sedia menentang segala kebatilan, kejahatan dan perbuatan-perbuatan yang tidak diredhai Allah dan dibenci oleh manusia dan mereka menyeru kepada kemuliaan, aktif dan progresif. Prinsip-prinsip ini adalah menjamin atau boleh menjamin semangat umat Islam sentiasa berkobar-kobar yang mana boleh dicontohi oleh orang-orang bukan Islam juga. Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan di sini bahawa jasa-jasa perajurit dan polis, yang sudah bersara perlu direnong sedikit agar mereka tidak berasa hampa dan kecewa dalam usaha menyambung sisa-sisa hidup mereka di dunia yang fana ini.

Saya sudah berulang-ulang bangkitkan hal ini kerana saya sendiri tidak begitu puas hati dengan jawapan Menteri Pertahanan tempoh bari maka saya ingin syor kepada Kerajaan agar satu peruntukan atau

tabung khas diwujudkan. Ini rayuan saya kali ketiga bagi membantu bekas-bekas perajurit dan polis yang ingin berkecimpung dalam perniagaan dan perusahaan supaya mereka yang menganggur itu tidak terjerumus dalam kegiatan haram dan jenayah serta diperangkap dalam kumpulan yang mahu melihat Kerajaan Malaysia berada dalam keadaan kucar-kacir yang boleh menakut-nakutkan rakyat. Ramai mereka hidup meleset walaupun usia mereka belum sampai 50 tahun, ini khususnya di kalangan bekas-bekas perajurit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan agar berwaspada selalu dari sekarang lagi tentang pelancong-pelancong wanita ala-hippies dari Benua Eropah yang melawat Malaysia yang mana kalau kita pergi ke tempat-tempat pelancongan, khususnya tempat-tempat seperti Pulau Pinang dan juga di pantai-pantai peranginan, mereka ini tidak membawa faedah atau keuntungan kerana pendatang-pendatang yang terhormat ini dengan aktiviti-aktiviti yang khusus mencari rezeki di sini dan juga di negara Thai. Hal ini ada dalam pengetahuan Polis dan Imigresen, tetapi sindiket-sindiket yang memberi kerjasama atau recruit, dengan izin, mereka ini untuk satu-satu kegiatan itu terlalu pintar dan bijak tanpa dikesan bukti-buktinya.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat bolehlah sambung pada hari esok. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri mengemukakan Usul Penangguhan Mesyuarat.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 15(3) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

RANCANGAN TUMPUAN MINGGU

6.31 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, Tumpuan Minggu merupakan satu-satunya rancangan pendidikan dan pengajaran yang disiarkan oleh TV Malaysia semenjak tahun 1964. Ianya disiarkan setiap minggu dengan tujuan menyalurkan pesanan pembangunan Kerajaan kepada rakyat. Dalam masa 25 tahun yang lalu, isi kandungan rancangan itu telah berjaya memberi liputan seluas-luasnya tentang dasar Kerajaan kepada rakyat dan rancangan itu telah menjadi salah satu unsur yang

menyebabkan masyarakat Malaysia yang berbahasa Tamil di negara ini memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada Kerajaan dan dasar-dasar yang diamalkannya. Akan tetapi malangnya mulai 14hb Disember, 1988 rancangan tersebut telah ditamatkan siarannya tanpa memberi alasan yang kukuh mengapa ia sepatutnya dihentikan oleh TV Malaysia. Ini menjadikan rasa kurang puas hati sudah mula berleluasa di dalam masyarakat India. Agen-agen perubahan seperti Pegawai-pegawai Penerangan Daerah sudah mula menghadapi beberapa soalan yang dilemparkan kepada mereka tentang penamatan siaran rancangan Tumpuan Minggu.

Tuan Yang di-Pertua, daripada analisa kami diturunkan beberapa faktor yang menjadikan timbulnya rasa kurang pasti dalam masyarakat India tentang tamatnya siaran rancangan Tumpuan Minggu.

Yang pertama, ia merupakan satu-satunya rancangan berpendidikan bahasa Tamil selain dari Berita Tamil.

Yang keduanya, kaum India pada keseluruhannya memerlukan suatu rancangan mingguan dalam bahasa Tamil untuk mengetahui dan memahami dasar Kerajaan dengan lebih jelas dan padat.

Yang ketiganya, mereka rasa bahawa perkembangan budaya dan seni tempatan eloklah disampaikan dalam bahasa Tamil dengan lebih berkesan dan natural.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa inilah suatu aspirasi yang adil dan saksama kerana para penonton India rasa lebih selesa dan bangga jika ciri-ciri kebudayaan dan adat resam digambarkan dalam bahasa original iaitu bahasa Tamil.

Dengan sedihnya saya katakan RTM sudah jauh berpisah daripada masyarakat India selepas membunuh minat mereka dalam rancangan-rancangan televisyen seperti menamatkan rancangan Tumpuan Minggu.

Saya merayu dalam Dewan yang mulia ini supaya program Tumpuan Minggu hendaklah dimulakan semula dengan segera sebagai suatu persediaan untuk menghadapi pilihanraya yang akan datang di mana liputan-liputan dapat menggambarkan projek-projek Kerajaan yang berjaya dan dasar-dasar yang diamalkan dengan bantuan visual dan audio. Dalam hal ini radio dan hubungan inter-personal tidak dapat berfungsi dengan sepenuhnya kerana penggambaran melalui visual dan audio dan dibantu oleh hubungan inter-personal lebih berkesan dalam membawakan kesan yang diharapkan iaitu memperolehi sokongan yang tidak terbahagi daripada masyarakat India kepada Kerajaan Barisan dalam pilihanraya yang akan datang. Sekian, terima kasih.

6.38ptg.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, RTM sentiasa menjalankan penyelidikan dan membuat perubahan kepada rancangan-rancangan terbitannya. Tindakan tersebut diambil bukan sahaja untuk memperbaiki mutu kandungan persembahan siaran RTM tetapi juga supaya skop rancangan terbitannya adalah lebih luas. Rancangan-rancangan majalah seperti Tumpuan Minggu (bahasa Tamil). Skop (bahasa Inggeris), Fokus (Bahasa Malaysia) dari Lembaran Minggu (bahasa Mandarin) sudah begitu lama disiarkan. Rancangan-rancangan untuk rakyat keturunan tertentu ini boleh membahagi bahagikan penonton pada hal perkara yang disentuh adalah melibatkan semua rakyat di negara kita.

Oleh kerana itu, Kementerian Penerangan berpendapat rancangan-rancangan yang berbentuk majalah yang dikhaskan bagi satu-satu kaum tertentu dan menggunakan bahasa kaum itu, harus ditiadakan. Ia harus digantikan dengan rancangan-rancangan jenis yang sama, tetapi mengandungi berbagai-bagai perkara mengenai semua kaum dengan menggunakan Bahasa Malaysia iaitu Bahasa Kebangsaan yang boleh menyatu-

padukan semua rakyat kita.

Dengan lain perkataan, Kementerian ingin mewujudkan rancangan majalah yang mengandungi unsur-unsur ilmu pengetahuan yang boleh ditonton dan dinikmati oleh semua keturunan untuk memupuk kesedaran bersama dan sama berusaha untuk menyatupadukan rakyat mengatasi masalah-masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, melalui rancangan begitu, sesuatu masalah atau kegiatan masyarakat India atau dari keturunan lain akan didedahkan kepada semua kaum di Malaysia supaya menyedari dan memahaminya. Ini adalah dirasakan lebih menguntungkan kepada negara dari segi perpaduan dan membina sikap toleransi di samping menumpukan perhatian mereka kepada isu-isu yang sama. Ini akan memupuk sikap sama rasa.

Pendekatan ini digunakan dalam rancangan baru bertajuk "Dimensi" yang telah disiarkan melalui RTM pada 5 haribulan iaitu semalam. Walau bagaimanapun, memang banyak liputan mengenai kegiatan-kegiatan masyarakat keturunan tertentu telah dimasukkan ke dalam Berita dalam bahasa rakyat keturunan berkenaan. Begitulah halnya dengan perkara-perkara yang menyentuh masyarakat keturunan India yang banyak dimuatkan dalam Berita bahasa Tamil. Perkara-perkara itu akan diulangi lagi dalam Berita dan rancangan yang bercorak nasional untuk tatapan rakyat semua keturunan. Ini amatlah penting untuk memupuk perpaduan rakyat dan negara demi kesejahteraan negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul kepada Dewan ini untuk diputuskan. Usulnya ialah bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 15(3)

Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat,
Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 3.00 petang hari
Jumaat esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.42 petang.